

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**

*Fourth Session*

**Jilid IV**

**Bil. 10**

**Hari Selasa**

**26hb Jun, 1990**

#### **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BA6I PERTANYAAN-PERTAKYAAAN** (Ruangan 1)

#### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)**(Ruangan 36)

**Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan)** (Ruangan 55)

**Rang Undang—undang Institut Penyelidikan dan  
Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan)** (Ruangan 72)

**Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan)** (Ruangan 76)

**Rang Undang—undang Bekalan Elektrik** (Ruangan 82)

**Rang Undang—undang Bekalan Elektrik  
(Syarikat Pengganti)** (Ruangan 94)

**USUL Aturan Urusan Mesyuarat (Ruangan 93)**



MALASIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 26hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengeruakan Mesyuarat]

JAWAPAH-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**HOSPITAL DAERAH - KENAIKAH TARAF**

1. **Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Kesihatan menyatakan kriteria yang digunakan untuk menentukan pilihan Hospital Daerah yang akan dinaikkan taraf ke taraf Hospital Besar di seluruh Malaysia. Berapa Hospital Daerah yang akan dinaikkan taraf dalam tempoh 1990-1992.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam organisasi Kementerian Kesihatan,, tiap-ciap negeri mempunyai hanya satu hospital besar yang berfungsi sebagai hospital rujukan (referral hospital) bagi negeri tersebut. Dengan ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mana-mana hospital daerah dinaikkan ke taraf hospital besar. Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengenalpasti 12 lagi hospital daerah yang akan dinaikkan ke taraf hospital daerah dengan pakar dalam usaha untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan yang disediakan. Hospital-hospital tersebut telahpun dipilih berasaskan kepada beberapa kriteria-kriteria seperti saiz hospital, beban-kerja, lokasi serta peningkatan penduduk yang dijangka.

Rancangan ini akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun secara berperingkat-peringkat bergantung kepada tenaga pakar yang ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara hospital-hospital daerah yang akan diberi specialist services termasuklah Hospital Daerah Butterworth, Hospital Daerah Tapah, Hospital Daerah Banting, Hospital Daerah Tanjong Karang, Hospital Daerah Kuala Kubu Bahru, Hospital Daerah Bentong, Hospital Daerah Besut, Hospital Daerah Kuala Kerai, Hospital Daerah Pasir Mas, Hospital Daerah Seri Aman, Hospital Daerah Bintulu dan Hospital Daerah Labuan. Setakat ini, ini, hospital-hospital daerah yang mempunyai specialist services ini adalah 18 dan 12 ini adalah sebagai tambahan daripada yang sudah sedia ada.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan raemberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini bahawa adakah Kementerian sudah pastikan senarai 12 hospital yang akan dibangunkan dalam tempoh yang akan datang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa daerah Alor Gajah, Melaka ini adalah sebuah daerah yang telah dibangunkan dengan begitu pesat? Memandangkan begitu banyak kilang yang sedang ditubuhkan di dalam daerah Alor Gajah, adakah Kementerian Kesihatan akan meningkatkan ataupun akan menaikkan taraf hospital yang ada di daerah Alor Gajah untuk kepentingan penduduk-penduduk yang ada dalam daerah Alor Gajah?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya berkaitan dengan hospital daerah yang akan dinaikkan taraf kepada sebuah hospital daerah yang mempunyai specialist services. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay tidak ada kaitan dengan soalan asal,

**Dr. Tan Chong Keng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan apakah jenis-jenis perkhidmatan rawatan kepada pesakit-pesakit yang tidak dapat diberikan oleh kebanyakan hospital-hospital daerah kepada pesakit-pesakit dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya. untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit? Contohnya, sejenis rawatan yang susah didapati daripada hospital-hospital daerah adalah dialysis yang diperlukan oleh pesakit-pesakit dari kawasan-kawasan yang tidak mempunyai hospital besar.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi soalan Yang Berhormat keluar sedikit daripada soalan pokok. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebahagian besar daripada hospital-hospital besar yang ada di negeri-negeri mempunyai specialist services atau rawatan specialist dan kebanyakan hospital ini mempunyai kemudahan dialysis. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita mengakui kekurangan alat-alat untuk menjalankan proses dialysis ini oleh kerana bertambahnya penyakit tersebut. Kita telahpun menasihatkan pihak-pihak yang terkena penyakit tersebut untuk mempunyai alternatif iaitu melakukan pembedahan buah pinggang daripada bergantung kepada mesin dialysis. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk menambah mesin-mesin dialysis di beberapa buah hospital.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya Ingin mengemukakan satu soalan. Sebelum saya menyoal, saya harap soalan saya ini tidak terkeluar daripada soalan ada! [Ketawa]. Tetap walau macam manapun, kalau sedikit-sedikit keluar pun apalah salah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kerana saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara ini begitu berminat hendak tahu masalah kedudukan hospittal daerah. Jadi saya harap tidak berlakulah benda ini lain kan. Cuma saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu hospital-hospital daerah adakah atau tidak mempunyai Lembaga Pelawat dan apakah fungsi Lembaga Pelawat terhadap meninggikan mutu Hospital Besar supaya ianya mendapat sambutan dan sanjungan daripada kalangan rakyat yang memerlukan hospital dikawasan ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soaian ini pun terkeluar. Walau bagaimanapun [Ketawa] dalam prosedur Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jika ada soalan tambahan mesti berkaitan dengan soalan pokok. Walaa bagaimanapun sebagai menghormati Ahli-ahli Yang Berhoramt Dewan Negara saya menjawab soalan ini [Tepok]. Jadi, hospital-hospital daerah dan juga pusat-pusat poliklinik akan diberi perkhidmatan yang dinamakan "Perkhidmatan Panel Palawat". Satukan ini, Hospital-hospital Besar ataupun hospital-hospital daerah sahaja tnsmpunyai Lembaga Pelawat. Kita akan membesarkan perkhidmatan ini kepada klinik-klinik desa dan sebagainya untuk diberi peluang kapada pcmimpin-pemimpin tempatan untuk menduduki Panel Pelawat. Tanggungjawabnya lebih kurang seperti jaga Panel Pelawat. Ada sedikit ubahsuai dan listnya sedang dipertimbangkan dan akan diumumkan tidak lama lagi.

**RINGGIT MALAYSIA - NILAI MATAWANG**

2. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk menstabilkan nilai mata wang ringgitt.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan**

**Mohamedl:** Tuan Yang di-Pertua, turun naik nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya, turun dan naiknya nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura, Brunei, Yen Japan dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu. Telah menjadi dasar Kerajaan tidak campurtangan di dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak untuk menenangkan pasaran terhadap ringgit adalah teratur. Semenjak tahun 1988, nilai ringgit telah bertambah kukuh terhadap nilai Yen, dolar Amerika Syarikat, Pound Sterling dan komposit rakan dagangan utara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi kedudukan nilai ringgit di pasaran. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk menggalakkan pelaburan swasta dan meningkatkan eksport negara. Langkah-langkah ini telah berhasil di dalam mengukuhkan pertumbuhan negara dan meningkatkan pelaburan, terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Dengan keadaan ekonomi yang semakin kukuh dan kedudukan rizab kita yang memasakan, adalah dijangka bahawa nilai ringgit akan terus kukuh dan stabil pada masa akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Chan Choong Tak]:** Ahli-ahli Yang

Berhormat, sekarang raengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk mempergunakan mesyuarat.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim mempergunakan Mesyuarat]

**PIALA THOMAS KUTIPAN PENAJA UTAMA**

3. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta MenBeri Belia. dan Sakan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kutipan dari penaja-penaja utama, penaja-penaja biiaaa dan Kerajaan diterima oleh Kerajaan atau badan penganjur sukan badminton untnk merebut Piala Thomas Tahun 1990 yang telah menyumbangkan paling banyak;
- (b) berapakah dari kutipan. itu telah dibelanjakan dan berapakah bakinya. Kalau ada, apa kegunaan. baki kutipan itu dan
- (c) dengan sambutan yang begitu hangat dari setiap lapisan rakyat Malaysia terhadap Piala Thomas, apakah Kerajaan. bercadang headak memberi hadiah yang istimewa pada para. pemain selain dari kereta Proton Saga pada masa yang akan datang.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Taan

Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Belia dan Sukan.

- (a) Jumlah kutipan dari penaja-penaja utama dan Kerajaan oleh Persatuan Badminton Malaysia untuk merebut Piala -Thomas bagi tahun 1990 ialah \$1.5 juta.
- (b) Sejumlah \$1.2 juta telah dibelanjakan dan bakinya yang dianggarkan sebanyak \$300,000 digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran Persatuan Badminton Malaysia.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk memberi hadiah yang istimewa kepada para pemain selain daripada Proton Saga yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menttari Malaysia.Selain dari hadiah tersebut setiap pemai juga telah diberikan wang tunai sebanyak \$13,000 oleh penaja-penaja lain.



**Tuan Azman Atar bin Othman:** Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan sudah ada bersama-sama dengan kita, saya minta soalan ini biarlah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Kami maafkan kali ini kerana fasal ada dua Dewan, masa akan datang jangan buat. Saya ingin tahu daripada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang kutipan derma mula dilancarkan di atas pertandingan badminton ini adakah atau tidak penderma-penderma yang datang bertanya dermaanya sampai atau tidak.

Yang kedua, saya ingin tahu bolehkah berlaku atau adakah satu kawalan untuk mengutip derma ini supaya semua derma itu benar-benar sampai kepada Jawatankuasa Pengelola Badminton itu, tidak hanya sampai kepada perseorangan untuk mencari kepentingan dirinya. Jadi, saya harap soalan ini walaupun pendek tetapi ia memberi pengertian yang begitu mendalam sekali.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]:** Tuan Yang di-Pertua ada penderma-penderma yang menderma selain daripada penganjur-penganjur yang tertentu sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Kita mempunyai satu cara untuk mengawal segala peyelewengan yang mungkin berlaku dalam masa menerima derma-derma daripada penderma-penderma sepanjang masa untuk derma ini diterima. Umpamanya, kita pastikan penerima-penerima mestilah terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa yang mengelola kewangan di Kementerian itu sendiri.

**Paan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya awal-awal mengakui soalan tambahan saya ini mungkin tidak berkaitan secara langsung dengan soalan asal, namun begitu ia berkaitan dengan badminton. Kalau sudi dijawab, silakan terima kasih. Kalau tidak, tidak mengapa. Bila kita berkata tentang

badminton di Malaysia **ini**, dari segi sejarah dan sebagainya, kafia tidak dapat menafikan sumbangan yang amat besar, yang telah **diberi-**kan oleh Sidek bersaudara atau anak-anak kepada Dato tidak. Jadi, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ada atau tidak memper-timbangkan kemungkinan kalau di peringkat antarabangsa kita ada Thomas Cup, menukarkan nama kejohanan badminton peringkat kebangsaan piala pusingan itu kepada "Piala Sidek."

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Ini terpulang kepada Persatuan Badminton Malaysia.

## PENGANIAYAAN KANAK-KANAK - JUMLAH KES

4. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah juralah kes-kes penyiksaan kepada kanak-kanak berlaku dari tahun 1985 hingga 1990; dan
- (b) berapa ramai yang telah menerima hukuman di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak dan Orang Muda 1974.

50. **Puan Ainon binti Arittin** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah sikap dan tindakan yang telah diambil bagi membantu mengatasi kejadian mengalami kanak-kanak yang kian hari kian meningkat jumlahnya, contoh terbaru yang mengejutkan ialah seperti kes Balasundram a/1 Balakrishnan.

54. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah kes penganiayaan kanak-kanak yang telah dilaporkan sejak 1985;
- (b) bilangan kanak-kanak yang dianiayakan telah mati;
- (c) bilangan pesalah yang telah dicangkap;
- (d) apa sebab-sebab penganiayaan kanak-kanak; dan
- (e) apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menanam sikap tanggungjawab di dalam kalangan ibubapa terhadap anak-anak mereka. Mereka tidak harus menggunakan anak-anak mereka sebagai beg tinju.

55. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah langkah akan diambil untuk raencegah kes menyeksa kanak-kanak seperti kes Balasundram a/1 Balakrishnan yang berusia 2 tahun tidak akan berulang;
- (b) adakah Kementerian menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat terhadap orang-orang yang terbabit dalam kes menyeksa;
- (c) adakah Kementerian menyediakan langkah-langkah yang lebih sesuai untuk membantu keluarga yang menghadapi masalah untuk mengurangkan kes menyeksa kanak-kanak; dan
- (d) adakah Kementerian merancang satu progratn yang lengkap untuk melindungi kanak-kanak serta menyiarkannya melalui RTM, suratkhbar dan risalah.

27.6.90

**27. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah kanak-kanak yang dianiaya atau terbiar telah dimasukkan ke dalam rumah-rumah kebajikan di seluruh negara dari tahun 1985 hingga 1989;
- (b) jumlah kanak-kanak itu yang telah menjadi anak angkat; dan
- (c) langkah—langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencari ibubapa angkat khasnya suami-isteri yang mandul untuk kanak-kanak itu.

28.6.90

**53. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah kes penganiayaan kanak-kanak dilakukan dalara tahun 1989. Berapa ramai kanak-kanak di bawah umur 5 tahun ada di pusat-pusat 'dalam pengawasan Kementerian Kebajikan Masyarakat hingga ini.

29.6.90

**25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak kes-kes penganiayaan kanak-kanak yang telah dapat dikesan sehingga 30 Mei 1990;
- (b) apakah puncanya di waktu akhir-akhir tni kes penganiayaan kanak-kanak ini banyak berlaku dan
- (c) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang oleh Kementerian Kebajikan Maayarakat bagi membahteraskan penganiayaan kanak-kanak dari berleluasa.

**32, Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada peruntukan undang-undang untukmelindungan penganiayaan kanak-kanak dan isteri-isteri mencukupi; dan
- (b) apakah kejayaan-kejayaan dari segi penguatkuasaan terhadap kanak-kanak dan isteri-isteri yang telah dianiayakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, pada Mesyuarat Dewan Negara kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan penganiayaan dan penderaan kanak-kanak seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada hari ini. Mereka adalah Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong dan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada 26hb Jun 1990 Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada 27hb Jun 1990; Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh pada 28hb Jun 1990; Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othraan dan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya pada 29hb Jun 1990. Oleh yang demikian, izinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini agak panjang juga merangkumi lima mukasurat. Perlukah saya membaca di sini?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Kalau tidak menimbulkan banyak perangkaan, boleh diteruskan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Jawapan ini merangkumi lima mukasurat, agak panjang juga.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Kita mempunyai satu jam sahaja, jadi saya rasa kita boleh 'suramarise' sedikit.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Saya bercadang mengemukakan jawapan ini kepada semua Abli Yang Berhormat yang bertanya tadi secara bertulis. Kalau hendak baca, saya rasa memakan masa 10 minit.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Boleh.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya jawapan itu sampai lima mukasurat, mengapa mesti dirangkumkan? Tidakkah boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tnenjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhorraat yang lain itu di hari yang lain kerana walaupun matlamat soalnya sama tetapi berlainan tujuan dan mungkin berlainan bentuk soalnya. Jadi, rasanya ada baiknya dijawab satu persatu supaya jelas dan tidak memakan masa yang lama. Soalan lain dijawab di hari yang lain.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, baiklah. Saya akan cuba menjawab sebanyak yang saya dapat.

Masalah penganiayaan kanak-kanak boleh berlaku kepada mana-mana golongan masyarakat dengan tidak mengira tempat, masa, kepercayaan agama dan darjah atau status sosial mereka. Oleh yang demikian, kejadian penganiayaan atau penderaan teanak-kanak di negara ini bukanlah satu perkara yang baru. Ianya telah berlaku sekian lama tetapi banya baru dalam dua atau tiga tahun kebelakangan ini sabaja mendapat kesedaran dari masyarakat keseluruhannya. Maka dengan sebab itulah.....

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, lebih baik Yang Berhormat berkenaan menjawab soalan No. 4 berapa jumlah kes penyeksaan daripada tahun 1985 hingga 1990 dan berapa ramai yang telah menerima hukuman menyeksa kanak-kanak. Itu sahaja, sesuai dengan kehendak Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin yang lain itu kemudian.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjawabnya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Baiklah. Bilangan kes penyeksaan kanak-kanak yang dilaporkan berlaku dari tahun 1985 hingga bulan Mei, 1990 adalah sebanyak 992 kes. Daripada jumlah tersebut, 85 kes di mana ibubapa dan penjaga telah dibawa ke mahkamah atas penyeksaan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947.

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendidik ibubapa/penjaga agar penganiayaan kanak-kanak seperti kes Balasundram baru-baru ini tidak berlaku lagi?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, tadi di dalam jawapan saya bendak menjelaskan perkara-perkara ini dalam soalan tadi. Itulah saya berasa berkenaan dengan hal penganiayaan kanak-kanak ini sudab ramai Ahli Yang Berhormat berminat dan mengemukakan soalan-soalan. Sebab itu saya hendak berikan penjelasan yang penuh dalam jawapan Ini yang merangkumi lima mukasurat,

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan itu ada banyak masalah yang menyebabkan kanak-kanak ini dianiayai oleh ibubapa, penjaga dan lain-lain. Oleh itu beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian saya iaitu merabuat ceramah kepada ibubapa tentang masalah ini memberi penerangan kepada orang ramai melalui bengkel, seminar, media massa dan lain-lain; menyedari seriusnya masalah penganiayaan kanak-kanak ini melalui Jawatankuasa Intervensi Terhadap Penganiayaan Kanak-kanak iaitu SCAN yang sekarang telah ditubuhkan di negara kita membawa pembekalan undang-undang yang pada masa ini tidak mencukupi. Oleh sebab itu, Akta Perlindungan Kanak-kanak yang baru akan dikeraukakan kepada Dewan dan kita harap bolehlah dalam tahun ini. Untuk meningkatkan lagi usaha-usaha mencegah kejadian penyeksaan kanak-kanak, Kementerian telah juga menubuhkan pasukan sukarelawan kebajikan di kampung-kampung dan kawasan perumahan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhorraat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini apakah punca keseksaan? Jangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berulang kali kata lima muka, lima muka. Ini kita hendak tahu di dalam Dewan. Yang Berhormat beritahu apakah punca keseksaan ini?



**Tun Petar Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertma, saya cubalah memberikan jawapan yang mana saya dapat. Sebab-sebab punca dan lain-lain yang menyebabkan penganiayaan kanak-kanak ini adalah banyak, sulit dan sukar difahamkan. Walau bagaimanapun mengikut pengalaman Kementerian, di antara faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak dianiayai oleh ibubapa dan penjaga ialah kemiskinan dan kepincangan keluarga, kesibukan ibubapa yang bekerja, keluarga yang tidak stabil, pengengketaan rumahtangga, kesihatan jiwa ibubapa tidak stabil dan peribadi ibubapa, tiada penyesuaian di antara anak dan ibubapa dan amalan penjagaaa kanak-kanak yang lemah. Sekian.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat soalan tambahan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Saya ingat sudah cukup, sudah ramai.

#### PERNIAGAAN PIRAMID - MEMBANTERAS

5. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Kswangan menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi membanteras "Perniagaan Piramid" yang pu berkembang biak dan mendapat sambutan baik dari orang ramai itu.

32. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan manyatakan:

- (a) jumlah syarikat piramid yang beroperasi di negara ini setelah mendapat lesen perniagaan
- (b) jumlah syarikat piramid yang tutup beroperasi dalam tempoh 1985 hingga sekarang dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal penubuhan. dan mengawal operasi syarikat piramid ini agar rakyat jelata tidak tertipu.

27.6.90

13. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Manteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar atau tidak tentang berleluasanya Perniagaan Penerima Dapost tidak berlesen di Negeri Perak
- (b) kalau sedar apakah tindakan dan langkah yang telah dibuat bagi menentukan supaya tidak ramai peminta dan dan penyimpan yang terlibat dan bagi menentukan bentuk perniagaan ini tidak berterasan;
- (c) sejauh manakah bentuk perniagaan "Skim Perniagaan Piramid" ini telah menarik para pslabur kalau dibandingkan dengan Skim Amanah Saham Bumiputera dan
- (d) sudahkah pihak Kerajaan menyiasat dan mengenalpasti jumlah wang pclabur yang terlibat di dalam skim Per-niagaan ini.

28.6.90

36. **Tuan Hajl Abdul Majid bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah banyak syarikat yang menjalankan perniagaan Piramid atau Cepat Kaya yang dapat dikesan di negara ini;
- (b) berapakah jumlah aduan yang diterima berkaitan dengan penipuan yang telah dilakukan
- (c) golongan manakah yang banyak terlibat dengan pelaburan ini; dan
- (d) benarkah skira ini mengancam skim ASN. dan ASB.

37. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah pendeposit-pendeposit wang cara haram yang barurus niaga dapat dikesan dan tindakan-tindakan terhadap mereka.

42. **Dr. Nawawi bin Mat Awi** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Apakah yang difcakrifkan sebagai perniagaan "piramid";
- (b) berapakah syarikat atau firma yang terlibat sekarang dan lima tahun. sebelumnya mengikut takrif ini; daa
- (c) berapakah yang telah tutup perniagaannya, jomlah pelanggan. dan kerugian kepada pelanggan.

**Timbalan Mentteri Kewangan [Dato' Wan Aba Bakar bin Wan**

**Mohamed]**: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan mengenai perkara yang betul-betul sama juga dibangkitkan oleh lima Ahli Yang

Barhormat yang lain, iaitu Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada hari ini, Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajidi bin Dato' Haji Ishak pada 27 Jun, 1990, Yang Barhormatt Tuan Haji Abdul Majid bin Abdallah, Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Dr. Nawawi bin Mat Awin, ketiga-tiganya dijadualkan dijawab pada 28 Jun 1990, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, secara kasarnya kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pertama, perniagaan piramid, dan kedua pengambilan deposit. Mengenai syarikat piramid iai sehingga ini sebanyak 10 buah syarikat telah dikesan oleh pihak Pendaftar Syarikat di mana 4 daripadanya telah didakwa di mahkamah kerana melanggar peruntukan Akta Syarikat 1965. Pihak Bank Negara yang juga membuat penyiasatan ke atas syarikat-syarikat itu telah mengesan 3 daripadanya terlibat dalam pengambilan deposit di mana sebuah daripadanya talahpan didakwa di mahkamah kerana kesalahan melanggar peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu agak sukar dikesan dan dihapuskan sama sekali kerana mereka kebanyakannya beroperasi secara sulit dan berselindung di sebalik perniagaan yang lain. Orang ramai tertarik dengan syarikat-syarikat itu kerana mereka menawarkan kadar palangan yang lebih tinggi daripada kadar-kadar yang dibayar oleh Inscituei-tnseitusi Kewangan berlesen.

Kementerian Kewangan tidak dapat memastikan apakah aktiviti sebenar syarikat-syarikat seumpama itu dan bagaimana mereka boleh menawarkan kadar pulangan yang tinggi kerana syarikat-syarikat yang

telah diserbu tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai aktiviti perniagaan mereka. Kementerian juga tidak mengetahui berapakah jumlah bilangan syarikat-syarikat ini dan jomlah wang-wang yang terlibat.

Bagi menghapuskan kegiatan, syarikat-syarikat seumpama itu, kerjasama orang ramai adalah pencing bagi melaporkan kegiatan mereka kepada pihak berkuasa. Mereka seharusnya tidak melibakan diri dengan syarikat-syarikat seumpama itu kerna risikonya adalah besar di mana mereka berkemungkinan tidak boleh mendapat balik modal yang dilaburkan. Bagaimanapun bagi mereka yang tamak, nasihat-nasihat yang diberikan tidak akan memberi kesan kepada mereka. Mereka yang tamak ini tidak harus menyalahkan Kerajaan sekiranya mereka tidak mendapati balik wang yang telah diliaburkan. Bank Negara Malaysia dan juga pihak pendaftar Syarikat akan terus mengawasi kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu dan akan mendakwa mana-mana pihak yang terlibat dengannya sekiranya mempunyai bukti-bukti yang cukup.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab serta menyebut perkataan "kemungkinan pulangan modal tidak akan dapat balik". Saya rasa kalau masih jaga Kementerian Kewangan menyebut perkataan ini, ini ttdak memberi satu perasaan takut kepada orang yang ingin hendak melabur. Kenapa tidak Kementerian Kewangan menggunakan perkataan memang tidak akan dapat pulangan balik", kerana ini adalah satu syarikat pelabur yang haram yang mungkin ada motif untuk hendak menjatuhkan nama baik Kerajaan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Soalannya apa?

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian Kewangan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk memberitahu kepada seluruh rakyat bahawa memang tidak akan dapat balik pulangan modal ini apabila sesiapa melabur kepada syarikat yang haram ini.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau iktukan perasaan saya meraang saya hendak kata begitulah semua syarikat-syarikat ini memang tidak boleh bagi balik duit. Tetapi kita tidak boleh berkata pasti begitu, kita hanya boleh kata kemungkinan, sebab kita tidak pasti, mungkin. dia boleh bayar balik, kita mana tahu? Jadi sebab itu kita tidak boleh kata begitu, dari segi rasminya. Tetapi pada pandangan Kementerian mengikut pengalaman-pengalaman yang lalu memang sudah banyak kes di mana pelabur-pelabur tidak dapat balik daitnya. Jadi kita telah menghebahkan kepada orang ramai melalui media maesa bahawa kegiatan seperti ini adalah tidak mempunyai lesen ataupun kebenaran dan tidak akan ada siapa yang boleh bertanggungjawab jika wang mereka tidak dapat balik.

Oleh itu kita bertiarap masyarakat akan memahami perkara ini. Dalam masa yang sama, oleh kerana janji yang diberikan dan selalu kita ini kadang-kadang termakan janji, terlalu besar pulangnya, jadi ramai yang melupakan bahawa raereka ini mungkin akan menerima akibat yang buruk. Oleh sebab itu kta berharap dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tolong kempenlah supaya ahli-ahli kitta tidak melabur di sini sebaliknya melabur di tempat-tempat yang sah seperti di bank, Amanah Saham Nasional, saham-saham yang didaftarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya. Ini harapan kita, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhonnat Timbalan Menteri, golongan

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yaag di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, golongan manakah yang banyak terlibat dengan pelaburan ini dan sehingga ini apakah Kementarian menerima aduan-aduan daripada pelabur-pelabur ini walaupun mereka itu tertipu. Ketiga, saya juga ingin mendapat penjelasan, setakat ini dari segi fatwa hukum agama kita, hanya kalau tidak silap saya negeri Perak sahaja yang mengeluarkan fatwa bahawa ini adalah harara tetapi negeri-negeri lain masih tidak ada lagi kita dengar fatwa yang mengatakan skim seumpama ini menyalahi dari segi hukum kita.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kumpulan, golongan yang mana yang lebih banyak menyertai ataupun melabur dalam syarikat-syarikat seumpama ini, kita tidak mempunyai rekod. Bila kita menyerbu syarikat-syarikat yang berkenaan ini, tidak ada apa rekod yang kita dapati. Pandai suungguh mereka menjalankan operasinya. Itulah saya ingat, mereka memang tidak ada senarai pelabur-pelabur ini. Sebab itu kita tidak jumpa dan dengan sebab itu kita tidak mengetahui dari segi golongan manayang ramai sekali melabur.

Yang kedua, berkenaan dengan fatwa ini, saya tidaklah begitu arif dalam bab ini untuk memberikan ulasan. Satu lagi itu, saya tidak ingat.

**Datuk Abu Bakar bin Lajim:** Dua Sahaja?

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tiga berapa jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian?

**Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Saya sudah sebut tadi

dalam jawapan asal saya aduan-aduan yang telah kita terima 33 buah syarikat telah diserbu oleh Bank Negara dan aduan-aduan yang kita terima semuanya kita siasat. Pengadu-pengadu ini agak menghairankan sedikit, para-para pendeposit tidak pernah mengadu tentang penglibatan syarikat-syarikat pengambil deposit tanpa lesen ini. Mereka tidak pernah mengadu. Yang mengadu dengan Kementerian ini, mereka yang telah kena tipu. Jadi tidaklah banyak kita dapat aduan-aduan ini daripada pendeposit yang terlibat itu.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ini dari utara, jadi di utara sana, heboh sekarang ini berkenaan dengan orang kaya melalui 'Pak Man Telo'. Jadi orang yang kononnya kaya ini termasuk daripada berbagai golongan, kakitangan Kerajaan, orang biasa, cikgu-cikgu, orang business tidak terlibat, tetapi ini ramai daripada golongan kakitangan Kerajaan yang terlibat oleh sebab sedikit sebanyak mereka ada duit, ada setengah-setengahnya hinggakan menjual motorsikal untuk hendak kaya cepat melalui 'Pak Man Telo'. Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa kementerian tidak ada maklumat. Jadi saya hendak tahulah oleh sebab Menteri aendiri telahpun menyebut perkataan ini 'Pak Man Telo' dalam akhbar saya ingat dalam seminggu dua dahulu apakah tindakan pihak Kementerian terhadap kegiatan ini, saraa ada kegiatan ini haram ataupun halal, ataupun masih dalam grey area lagi.

**Dato' Wao Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi sebenarnya kita telah mengambil satu tindakan, iaitu syarikat yang berkenaan itu telah didakwa pada 11hb Januari 1990 dan telah didenda sebanyak \$250,000 kalau tidak silap saya dan dia telah membayar dendanya dengan secara tunai. Selepas itu kita tidak ada apa lagi yang boleh dibuat. Sekarang kita tunggu sahajalah apa bukti yang lain dan kita akan dakwa lagi kalau menyalahi.

Mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan, sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini, maksimum dendanya ialah \$10 juta ataupun sepuluh tahun penjara ataupun kedua-duanya sekali dan meneruskan kesalahan itu dendanya \$10 ribu sehari ini kesalahan di



bawah Akta Bank. Jadi, kita tunggulah di mana dia buat silap nanti kita akan kenakan tindakan mengikut Undang-undang yang ada.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memang mengikut kajian kita, tidak ada sebuah institusi kewangan pun yang boleh memberi pulangan keuntungan ataupun faedah sebanyak 120% setahun seperti yang diberikan oleh syarikat-syarikat ini kerana ini bermakna 10% sebulan. Jadi kita menyangka bahawa syarikat ini memusingkan duit orang ramai dan membayar kepada pelabur lama dengan wang pelabur baru, tetapi kita tidak ada bukti. Jadi, oleh aebab itu kalau hendakkan perkara ini terbongkar, kesemua pelabur-pelabur ini memberhentikan dengan serentak pelaburan mereka selama katakan tiga bulan. Kita akan lihat syarikat ini tentu tidak boleh bayar apa-apa dividen ataupun keuntungan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Satu sahaja lagi, Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akm:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit. Saya rasa pelik juga apabila Kementerian Kewangan menyatakan sukar dikesan tetapi rakyat boleh tahu, dia boleh melabur, kita sebagai Kementerian sukar mengesan, ini pun pelik juga. Tidakkah ada satu usaha untuk mengesan keadaan yang sedemikian dan satu cabaran juga kepada kita, iaitu apabila dijatuhkan hukum kepada pesalah itu, dia bayar cash \$250,000 bayar dengan senang. Ini sudah menunjukkan satu perkara yang begitu nyata kepada kita. Mustahillah kita tidak dapat kesan ataupun tidak ada satu jalan untuk mencari dan mengesan perkara yang sedemikian supaya tidak terlibat kerana saya mendapat maklumat juga daripada orang ramai ada setengah pelabur itu mengeluarkan wang Amanah Sahamnya

untuk melabur di sana.....

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat, apakah soalnya?

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd, Akim:** ...ini mungkin ada aatu motif terhadap pelabur Amanah Saham. Itu soalan saya, yang tidak dapat dikesan ini, macam mana? [Ketawa]

**Dato'Wan Abn Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, begitulah pandainya mereka ini sehingga kita tidak dapat kesan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bukan kita tidak dapat kesan, kita terus menyiasat sehingga dia ada bukti yang nyata baru kita boleh dakwa. Kita tidak boleh dakwa sesiapa tanpa ada bukti. Oleh sebab itu kita menyiasat dan mencari bukti yang kukuh untuk mendakwa syarikat-syarikat yang berkenaan ini. Dendanya seperti saya sebut adalah berat, jadi oleh sebab itu perkara ini serahkanlah kepada Kerajaan untuk kita mengambil tindakan.

Berkenaan dengan motif yang lain, kita tidak fikir ada motif yang lain umpamanya merosakkan skim ASN dan juga ASB kerana tidak ada bukti menunjukkan bahawa skim ini terjejas. Cuma motif yang kita dapat fikir sekarang ini ialah kerana tamak haloba pelabur-pelabur inilah, kerana 10% faedah yang didapati melabur \$10,000 tiap-tiap bulan dapat \$1,000, jadi itulah yang menyebabkan mereka melabur dalam syarikat-syarikat ini. Terima kasih.

#### **DTTI HIBURAN - PEMGECUALIAN BOLASEPAK SEMI-PRO**

**6. Dr. Nordin Selat** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengecualikan Bolasepak Separuh Profesional dari cukai hiburan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti hiburan yang dipungut di negeri-negeri selain daripada Wilayah Persekutuan adalah merupakan

hasil Kerajaan Negeri berkenaan menurut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Akta Duti Hiburan 1953 ada memperuntukkan kuaaa kepada pihak berkuasa negeri bagi mengecualikan sesuatu hiburan daripada duti hiburan. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada pihak-pihak berkuasa negeri sama ada untuk mengecualikan pertandingan bolesepak separuh profesional dari duti hiburan atau tidak. Bagi Wilayah Persekutuan, tidak ada peruntukan dalam undang-undang bagi mengecualikan mana-mana hiburan daripada duti berkenaan bagi kes-kes di mana dutinya berjumlah melebihi \$500.

#### ANGKATAN TENTERA - STRATEGI PENSWASTAAN

**7. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato'Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) setakat mana Kementerian telah berjaya mengurangkan kos pengendalian Angkatan Tentera Maiaysia melalui strategi penswastaan;
- (b) hingga kini apakah bidang-bidang yang telah berjaya diswastakan dalam Kementerian Pertahanan; dan
- (c) di dalam projek-projek yang telah diswastakan berapa peratuskah ahli-ahli bekas tentera diberi peluang bekerja 'dalam projek-projek ini.

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin**

**Tengku Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan

(a) dan (b) ini sekali gus.

Hingga kini, Kementerian Pertahanan telah mengambil tindakan penswastaan hanya Depoh Baikpulih Kapalterbang TUDM yang telah dikenali aebagai Airod Sendirian Berhad sejak Oktober 1984 untuk

melaksanakan kerja-kerja di dalam bidang baikpulih dan penyelenggaraan pesawat-pesawat TUDM serta enjin-enjin dan komponen-komponen yang berkaitan dengannya. Airod Sendirian Berhad telahpun mengendalikan kerja-kerja pembaikan untuk TUDM yang dianggarkan berjumlah 995,784 tenaga kerja atau, dengan izin, 'man hours', iaitu bernilai kira-kira \$64 juta..

Dengan strategi penswastaaan Airod **ini**, Kerajaan telah dapat mengurangkan kos pengangkutan dan kos penyelenggaraan. Kos pengangkutan, iaitu meliputi kos pengangkutan udara dan kapal laut tidak syak lagi telah dapat menjimatkan wang Kerajaan kira-kira \$6 juta. Kos penyelenggaraan pula ialah dari segi purata kos penyelenggaraan per man hour, kira-kira \$63.50 berbanding jika kerja-kerja tersebut dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor dari luar negeri. Berdasarkan kepada jumlah 995,784 man hours ini yang telah dilakukan oleh Airod sepertimana yang telah saya sebutkan di awal tadi, penjimatan yang diperolehi oleh pihak Kerajaan berikutan dari penswaataan ini ialah kira-kira \$10 juta. Pada keseluruhannya, Kementerian Pertahanan telah berjaya mengurangkan kos pengendalian TUDM melalui penswastaaan Airod.

Bagi menjawab soalan (c), di peringkat awal penswastaaan, hampir keseluruhan Airod Sendirian Berhad dikendalikan oleh bekas tentera terutamanya dari pegawai dan lain-lain pangkat TUDM, iaitu seramai 237 orang kakitangan dan hanya seramai 9 orang kakitangan yang bukan bekas Tentera. Kini Airod telah berkerabang dan kakitangan telah meningkat kepada 654 orang di mana seramai 391 orang ialah bekas Tentera, taitu kira-kira 60%.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:**Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini ada kaitannya dengan soalan (b) iaitu saya difahamkan ura-ura untuk menswastakan Limbangan Kapal TLDM di Lemat telah dibuat mungkin dalam masa 8 tahun yang sudah. Bagaimana keadaannya pada ketika ini di segi menswastakan Limbangan ini?

Yang kedua, jika perkara ini berlaku mungkin tidak timbal tindakan-tindih di antara kerja-kerja yang dilakukan di Limbangan ini dengan yang dilakukan di MSE (Malaysian Shipyard Engineering) di Pasir Gadang, Johor dan jika ada, bagaimanakah masalah tindakan-tindih ini mungkin diselesaikan.

**Tengko Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, menanglah cadangan kita untuk menswastakan juga Limbangan di Lumut dan kita harap pada awal bulan hadapan kita akan privatise, bahkan nama ataupun syarikat telah roendapat kelulusan daripada Pendaftar Syarikat di bawah Undang-undang Syarikat. Sangguhpun perkara ini telah dibincang dan difikirkan bukanlah 8 tahun dahulu, tetapi hanya beberapa tahun sahaja keraudian kerana ini mengambil masa, saya rasa penswastakan yang lain juga akan mengambil masa, tetapi oleh kerana perkara ini sangat sulit, saya fikir mungkin tidaklah sampai 8 tahun, tetapi hanya beberapa tahun kebelakangan ini sahaja.

Pada awal tahun hadapan hasrat kita iaitu pada 1hb Januari, 1991 kita akan dapat malakan atas nama syarikat yang baru diswastakan ini .

Bersabit dengan overlapping ini, saya sukalah mengatakan kerana apa yang akan dijalankan oleh Limbungan (Naval Dockyard) di Lamut ini, tidaklah boleh dikatakan 100% seperti apa yang dilakukan oleh MSE. Perkara ini memerlukan kerjasama untuk memberikan kebaikan kepada negara, dengan adanya 100% kemudahan-kemudahan bersabit dengan shipyard ini, saya rasa ini akan dapat membantu di antara sata sana lain.

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato Mohd. Seth:** Tuan

Yang di-Pertua, aoalan tambahan.Maksud saya menonjolkan soalan-soalan yang telahpon dijawabkan oleh Yang Berhormat Mulia tadi itu juga keinginan pihak kami iaitu Persatuan Bekas Perjurit dari segi mencari kerja.

Saya kluatir angka bekas-bekas angkatan tentera ita semakin tahan semakin bertambah dan pekerjaan pan makin sakar untuk mereka mencarinya. Jadi sekiranya pihak yang berkuasa itu berjaya untuk menswastakan (privatise), yang mana Lembaga Tabung Angkatan Tentera ada ekuitinya, mungkin kalau pihak yang berkuasa dapat mengesyorkan ataupun mengarahkan sekiranya boleh kalau ada pekerjaan yang sesuai untuk mereka itu, dapat juga mereka bekerja di sana. Itu sahaja.

**Tengkn Dato'Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yaag di-Pertua,

kita akan mengambil perhatian di atas cadangan ataupun pandangan Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali sekejap tadi.

Saya suka menyatakan adalah menjadi hasrat Kerajaan sentiasa memberikan pertolongan dan kita telahpun mengarahkan bukan sahaja agensi-agensi Kerajaan, tetapi juga agensi-agensi swasta

ataupun syarikat-syarikat swasta mengambil lebih ramai lagi bekas-bekas perajurit ini .

Mengenai cadangan supaya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ini mengambil ekuiti, saya rasa ini satu pandangan yang baik dan sentiasa akan menerima, bahkan saya rasa apa yang LTAT hendak buat, kita telahpun memberikan apa sahaja kerjasama. Sungguhpun tidak perla LTAT mengadakan ekuitinya dalam syarikat, jika ekuiti tidak ada pun kita telah memberikan pertolongan supaya pihak yang berkenaan atau syarikat-syarikat yang berkenaan mengambil bekas-bekas perajurit ini bekerja dengan syarikat itu.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Parti Komunis Malaya telah meletakkan senjata tidak berapa lama dahulu, apakah Kementerian pertahanan tidak bercadang mengelolakan projek-projek itu sendiri melalui kepakaran-kepakaran dan keaggotaan tentera yang mempunyai kelayakan di dalam berbagai bidang.

**Tengku Dato'Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Saya rasa ini adalah menjadi hasrat Kerajaan dengan penswastaan kelak, pihak swasta akan memberi keutamaan kepada bekas perajurit atau tentera yang suka bekerja di dalam syarikat ini .

Sungguhpun perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya ini baru sahaja berlaku, tetapi kita perlu jaga mengawasi kedudukan ini kerana kedudukan ini kita tidak boleh menjanm berkekalan dan kita sentiasa mengambil pertimbangan di atas kemungkinan yang akan berlaku kerana perkara ini baru sahaja dalam 5-6 bulan ia berlalu. Ini kita perla mengambil masa lagi untuk mengadakan persiapan-persiapan bagi meminda dasar-dasar Kerajaan dan sebagainya.

## SEKOLAH BANTUAN MODAL - TAMBAHAN

8. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang tmtuk menggunakan "National Land Code" untuk mengambalalih tanah swasta di mana terletaknya sekolah-sekolah Tamil, sapaya Sekolahsekolah Tamil bantaan modal boleh ditukarkan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh; dan
- (b) jika tidak ada cadangan, pada masa dahulu Kerajaan telah menggunakan "National Land Code" antuk mengambil alih tanah swasta bagi mendirikan Balai Polis, Balairaya dan lain-lain kemudahan Awam. Kenapakah cara ini tidak boleh digunakan dalam perkara tanah Sekolah Tamil.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang

di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan antak mengambalalih Sekolah-sekolah Bantuan Modal bagi kita jadikan Sekolah-sekolah Bantaan Penuh secara keseluruhan dan secara sekali gus. Apa yang berlaku ialah sesebuah sekolah itu dikaji mengikut merit dan kepatuaan yang sewajarnya akan dibuat berdasarkan keadaan persekitaran sekolah-sekolah tersebut.

## TARAF GSP MALAYSIA - PETISYEN PEMIMPIN MTUC

9. **Dr Ng Khek Kiang** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) sama ada terdapatnya sebarang bukti bahawa penglibatan rakyat Malaysia sendiri yang mamjuk pihak Persekutuan Baruh Amerika-Kongres Pertubuhan Perindustrian (AFL-C10) dan Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak-hak Buruh Antarabangsa (ILRERP) untuk mengemukakan petisyen yang keduanya kepada Pejabat Perwakilan Perdagangan Anerika Syarikat (USTR) menggesa keistimewaan perdagangan yang diberi kepada Malaysia ditarik balik;
- (b) jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pihak-pihak tersebut; dan
- (c) apakah akibat-akibat buruk yang akan dialami oleh negara kita jika taraf GSP Malaysia ditarik balik.



30. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan dalam issue GSP, MTUC dan CUEPACS tidak sependapat. Mengapakah MTUC sanggup mencabuli kepentingan golongan pekerja sedangkan mereka sendiri yang sepatutnya melindungi kepentingan pekerja-pekerja. Apakah pendapat pekerja-pekerja terhadap GSP.

**Timbalan Menteri Soraber Manasia [Dato K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan No.30 dari Yang Bcrhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun yang diletakkan pada hari ini juga. Jauapan kepada soalan:

- (a) pihak Kerajaan sedang memberi perhatian yang terperinci mengenai penglibatan rakyat Malaysia dalam usaha mendesak Kerajaan Amerika Syarikat menarik balik taraf GSP yang diberi kepada Malaysia. Mereka yang terlibat, termasuk pemimpin-pemimpin tertentu MTUC yang juga terlibat dalam perjuangan politik pembangkang, menjalankan kegiatan mereka secara sulit menyokong penarikan balik taraf tersebut.
- (b) baat sementara waktu Kerajaan tidak bercadang mengambil sebarang tindakan terhadap mereka yang terlibat pada masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan terus memerhatikan kegiatan mereka, serta mendedahkan tingkah-laku mereka kepada rakyat negara ini, supaya saling mengenali apa yang dibuat oleh mereka itu.
- (c) jika keistimewaan GSP Malaysia ditarik balik oleh Amerika Syarikat, akibat yang jelas ialah kehilangan keistimewaan pengecualian cukai bagi barang-barang Malaysia yang dieksport ke Amerika

Syarikat. Barang-barang Malaysia masih boleh dieksport ke Amerika Syarikat tetapi akan menghadapi persaingan yang hebat daripada negara-negara pembekal yang lain yang masih menikmati keistimewaan GSP. Sebanyak 125,000 peluang pekerjaan yang sedang dinikmati oleh pekerja Malaysia kita, khasnya yang mada, mungkin terjejas dan dengan mengambil kira keluarga-keluarga mereka, seramai 1/2 juta rakyat Malaysia akan menghadapi kerumitan, jika kilang-kilang ini terpaksa ditutup. Tambahan lagi, ianya juga bermakna bahawa Malaysia akan kehilangan satu daya tarikan yang penting untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing dalam ekonomi negara kita di sektor. industri pembuatan. Pelabur-pelabur asing yang ingin mengadakan kilang di Malaysia bagi tajaan pengeksporan ke Amerika Syarikat mungkin. tidak akan berbuat demikian. Akibatnya, pengwajibkan peluang-peluang pekerjaan dan kepentingan pekerja-pekerja kita sendiri yang kononnya hendak dilindungi oleh pihak-pihak yang mengantikakan petisyen-petisyen itu akan terjejas .

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana 125,000 pekerja akan menjadi mangsa, jika sekiranya GSP ditarik balik dan pada kami Ahli-ahli Dewan Negara memandangkan perkara ini amat serius dan berat tetapi oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi, mengatakan Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan, saya ingin tahu, adakah buat masa sekarang Kerajaan tidak mengambil tindakan ataupun Kerajaan sedang mengumpul semua fakta-fakta yang boleh membawa mereka ini ke satu tempat atau sehingga kita letakkan mereka di bawah ISA ataupun mana-mana hukuman, Saya juga ingin menyatakan, Kerajaan jangan terlalu mengamalkan konsep demokrasi sehingga boleh menjahanamkan rakyat negara ini .

Jawapan Timbalan Menteri tadi seolah-olah kita ini terlalu mengamalkan konsep demokrasi. Apa pun pembangkang buat, siapa-siapa sahaja yang membuat motif antok menjatuhkan nama baik negara kita ini kita tidak ambil tindakan. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan menteri, sama ada kita tidak mengambil tindakan kepada orang yang sudah kita kenalpasti untuk menjalankan usaha menarik balik GSP ini buat masa sekarang ataupun kita sedang mengumpul bukti-bukti dan apabila sudah cukup bukti baru kita ambil tindakan? Saya ingin tahu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan bahawa mereka yang terlibat ini telah mengambil tindakan itu dengan secara sulit dan sepertimana saya kata di Dewan Rakyat mereka "melempar batu sembunyi tangan". Jadi, susahlah bagi kita secara langsung antak buat apa-apa. Walau bagaimanapun, kita sedang mengawasi keadaan ini dan jika perlu kita akan mengambil apa jua tindakan yang sewajarnya untuk menyekat mereka berbuat demikian.

**Tuan Ng Peng Hay:** Taan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Sumber Manusia mengemukakan kepada Dewan yaag mulia ini nama-nama pemimpin yang terlibat dalam ancaman untuk menarik balik GSP ini, yang mana mereka ini adalah seperti pengkhianat bangsa dan negara kita. Tidakkah boleh Kementerian mengunomkan nama-nama pemimpin yang terlibat?

**Dato' K. Pathmanaban:** Taan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa secara sulit pegawai-pegawai MTUC yang kanan sekali atau top brass in the MTUC terlibat dengan satu cara lain untuk membantu pihak-pihak yang berkenaan di Amerika Syarikat dalara usaha menarik balik GSP ini. Jadi, saya rasa terlalu awal untuk kita menyebut nama-nama mereka secara amnya .

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pihak-pihak tertentu dari MTUC telah membuat satu petisyen. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri manberitahu Dewan ini apakah tuduhan-tuduhan mereka buat terhadap negara kita kepada pihak yang berkenaan di Amerika Syarikat?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan kepada kita yang termaktub dalam memorandom atan petisyen kepada pihak Perwakilan Perdagangan di Amerika Syarikat, termasuk beberapa perkara berkaitan dengan hal ehwal buruh, iaitu :

- (i) kebebasan pekerja-pekerja kita antuk berkcsataan;
- (ii) kebebasan pekerja-pekerja kita untuk mogok; dan

(iii) tidak ada gaji minima secara umum di negara Malaysia dan

beberapa sebab kecil yang lain.

Semuanya ini tidak ada asas, dan mereka di Amerika Syarikat, saya rasa, dlberitahu dengan salah. Mereka yang mengemukakan petisyen itu tidak tahu keadaan di sini secara langsung atau secara benar.

**Dato Haji Abu Bakar bin lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah tutup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 56 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990 )

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.(25hb Jan, 1990).

**Dato Haji Aba Bakar bin Lajim:** Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Kewangan antuk menyambung ucapannya 3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohammed]:** Taan Yang di-Pertua, sebanyak \$1.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam negeri untuk membiayai perbelanjaan bagi pecetakan seton hasil berbagai denominasi.

Sebanyak \$1.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 17 Kementerian Belia dan Sakan antuk perbelanjaan berikut:-

Sebanyak \$1.0 juta untuk sombangan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan menganjurkan Sukan Malaysia III di Kuching Sarawak pada bulan Julai 1990, dan sebanyak \$0.2 juta adalah untuk membiayai Aktiviti Belia Pusat Bandar di bawah Program Belia.

Sebanyak \$0.7 adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 56 Jabatan Setiausaha Persekutuan Sabah bagi membiayai belanja mengurus Jabatan Setiausaha Persekutuan Sabah yang telah

diwujudkan malai 1hb April, 1990 dan sebanyak \$0.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.57 Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak untuk membiayai belanja mengurus Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak yang telah diwujudkan pada 1hb April, 1990.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1990 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8A Tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato'K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Dato Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan tahun 1990 dan bagi menperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas .

3.40 ptg.

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahar Rana Undang-undang bernama suatu Akta Perbekalan Tambahan 1989 dan 1990 di Dewan yang mulia ini.

Menyentuh Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow, Timbalan Menteri Kewangan, iaitu Kerajaan sedang menimbangkan kemungkinan bagi kakitangan Kerajaan yang mengambil pinjaman Kerajaan untuk membeli rumah di projek-projek yang terbengkalai itu dikecualikan daripada membayar faedah sehinggalah projek-projek berkenaan dipulihkan semula kelak. Kita tahu di bawah perjanjian jual beli mereka, sebagai pembeli dikehendaki membayar setiap balun ansuran bayaran balik pinjaman, pada masa yang sama mereka harus juga membayar sewa rumah kerana rumah yang mereka beli itu belum lagi dibina atau disiapbina kerana itulah kakitangan Kerajaan tersebut berada dalam kesempitan. Maka pada hemat saya jikalau keadaan kewangan Kerajaan mengizinkan bolehlah Kerajaan mengecualikan mereka ita baat sementara daripada membayar faedah hingga projek-projek pembinaan dijalankan semula. Langkah ini walaupun bersifat sementara sahaja tentu akan meringankan beban kewangan kakitangan Kerajaan dan akan disambut dengan mesra oleh mereka yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa suatu peruntukan pinjaman sebanyak \$300 juta telah disediakan bagi memulihkan kembali



projek-projek perumahan yang tterbengkalai itu. Langkah ini mtmang baik ktrana ia bolah membantu kakitangan Kerajaan dan pemaju-pemaju dengan membiayai projek tersebut. Selain daripada menyediakan kemudahan ini, Kementerian atau pihak berkuasa harus juga memberi penyeliaan dan kawalan yang ketat supaya projck-projek perumahan itu dapat dijalankan lancar dan disiapbina daiam tempoh yang ditetapkan dan piawaian rumah pun dipelihara bagi keselamatan penghuni. Jikalau langkah dan sindakan berjaga-jaga tersebut tidak diambil, niat atau maksud Kerajaan akan jadi sia-sia belaka.

Taan Yang di-Pertua, langkah-langkah tersebut hanya akan menguntungkan kakitangan Kerajaan sahaja maka derai untuk membalas kebimbangan Kerajaan akan kebajikan meereka itu, kakitangan Kerajaan hendalah berusaha lebih giat dengan meningkatkan lagi kecekapan karja dan keberkesanan mereka supaya dapat meraberi sumbangan yang lebih dalam usaha Kerajaan memajukan dan mendorong pertumbuhan ekonomi yang pesat itu. Tetapi bagi kebanyakan pembeli rumah iaitu kurang lebih 90% dari jomlah pembeli rumah keseluruhannya di Semenanjung, mereka juga mengalami kesulitan yang serupa. Apa dayanya perhubungan itu saya juga ingin membuat sedikit usul. Kami pelaksanaan program khas perumahan kos marah bagi penduduk yang berpendapatan rendah, Kerajaan Pusat mahu pun Kerajaan Negari hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih positif, lebih tegas dengan menentukan secepat mungkin tapak-dapak projek perumahan yang sesuai dan memajukannya dengan serta merta. Insentif atau galakan tertentu harus diberi kspada pemaju. Prosedur permohonan untuk memaju tanah dapat disederhanakan, simplify, dengan izin, bayaran-bayaran ukur atau premium tanah dikurangkan.

Selain daripada itu, yang sangat penting ialah harga bahan-bahan pembinaan seperti battang besi, simen dari lain-lain yang dikeluarkan oleh kilang-kilang Malaysia harus dikawal dan dapat dipertahankan pada suatu paras sederhana.

Dengan itu diharap pemaja-pemaju akan sanggup membina lebih rumah kos murah dan melaksanakan projeknya lebih cepat. Penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah dijangka juga akan berkemampuan membeli rumah kos murah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Maksud B.57 berkaitan dengan peruntukan bagi Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak. Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak telah dimansuhkan beberapa tahun yang lalu dan kini diwujudkan semula. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan ini. Setiausaha Persekutuan Sarawak telah dilantik dan mulai menjalankan tugasnya pada bulan Mei yang lalu. Setiausaha itu akan dapat membanru Kerajaan Negeri melaksanakan serta menyediakan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai dari kumpulan wang atau peruntukan Kerajaan Persekutuan kerana sentiasa berada di Negeri Sarawak, bergaul dengan kakitangan Kerajaan dan orang ramai dari segala lapisan Bidak kira suku kaumnya.

Setiausaha Persekutuan akan dapat mengetahui dari dekat keadaan pembangunan ekonomi dan kehidupan rakyat memahami perkara-perkara atau kesulitan-kesulitan mereka. Dengan itu Setiausaha Persekutuan boleh mencerminkan atau malaporkan terus kepada Perdana Menteri keadaan sosial dan ekonomi negeri sebenarnya yang mana-mana usaha perbaikan sangat diperlu dan diambil segera.

Selain daripada itu, Setiausaha Persekutuan boleh memainkan peranan penting di bidang-bidang lain. Umpamanya, Jabatan itu mengadakan program-program yang boleh memupuk dan perkukuhkan integrasi Nasional antara Semenanjung dan Sarawak. Pejabat Setiausaha Persekutuan itu pun boleh bertindak sebagai pejabat perhubungan kepada dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dengan kata-kata lain, pejabat itu akan boleh menyuburkan perasaan berbaik-baik antara Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri, memajukan saling memahami, mempererat serta memperkukuhkan perhubungan mesra antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu saya ingin mengulangi usul saya telah dicadangkan beberapa kali dahulu di Dewan yang mulia ini iaitu pengambilan anak-anak tempatan atau pemindahan pegawai negeri yang berkelayakan untuk menjawat di mana-mana Jabatan Persekutuan di Sarawak kerana anak-anak tempatan hendaklah diberi peluang untuk berkhidmat bersama-sama rakan-rakan sekerja dari Semenanjung di Pejabat-pejabat Persekutuan.

Mereka boleh bergaul sehari-hari antara satu sama lain, banyak perhubungan, banyak berkomunikasi dan mudah mereka kenal mengenal, kurangnya salah faham atau perselisihan faham. Dalam suasana ini tentulah akan mudah menjayakan pemupukan semangat perpaduan, pertalian persahabatan dan persaudaraan di kalangan mereka. Kerajaan ini akan menolong mencapai terjalannya integrasi dan perpaduan nasional.

Satu lagi perkara hendak saya tampilkan di Dewan yang mulia ini, perkara itu pun ialah saya bangkitkan di mesyuarat-mesyuarat Dewan yang lepas. Perkara itu ialah berkenaan dengan kakurangan pegawai-pegawai perubatan di Sarawak dan di Hospital Law King Howe,

Sibu khususnya. Setahu saya kerana hendak memberi atau menyediakan perkhidmatan perubahan kepada pesakit-pesakit dari Bahagian Sibu, Kapit dan Sarikei bahkan dari Bahagiaa Bintulu. Hospital Law King Howe Sibu memerlukan perkhidmatan 24 orang pegawai perubatan.

Jumlah jawatan itu telah disediakan tetapi lebih separuh jawatan itu masih tinggal kosong, apa sebabnya? Apakah Kementerian berkenaan telah menyelidiki dan mengetahui betul-betul akan sebab-musababnya. Di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat pada bulan Mac lalu pernah saya menerangkan sebab-musabab yang mengakibatkan kekurangan pegawai perubatan atau keengganan siswazah perubatan berkhidmat di hospital Kerajaan tak payah saya ulangi lagi di Dewan yang mulia ini tetapi rasanya Kementerian kita masih kurang memerhatikan perkara yang serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, wabak demam denggi semakin meruncing di bandar Sibul sejak awal tahun ini. Mengikut laporan hospital sehingga hari Jumaat lalu, jumlah kes denggi termasuk denggi berdarah maningkac menjadi 244 kes dan seorang petnuda bcrusia 27 tahun telah meninggal.dunia pada hari Khamis lalu kerana dijangkiti oleh demam denggi berdarah. Kini. sejumlah lebih karang 200 orang yang mendapat tanda-tanda dihidapi demam denggi sedang, diberi rawatan di hospital. Maka dalam ksadaan semacam ini masalah kekurangan pegawai perubatan dan staf lainaya makin dirasai keterukannya. Adalah diharapkan bahawa Kamenterian atau Jabatan Parubatan dapat menghantarkan beberapa doktor ke sana dengan segera untuk menoloag memberi rawatan kepada pengidap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang Maksud B.32 Jabatan Hasil Dalam Negeri yang diberi peruntukan sejumlah wang lcbih kurang \$10 juta bagi perbelanjaan antuk perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1990. Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah satu

Jabatan yang bertanggungjawab bagi memungut mengikut kadar-kadar tertentu cukai-cukai pendapatan, baik dari perseorangan mahupun dari firma-firma atau perusahaan yang mendapat keuntungan dalam perniagaannya. Kerana itu saya hendak cadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Akta Cukai Pendapatan 1967 dapat dikaji semula agar senaskah Rang Undang-undang (Pindaan) dibentangkan serta diluluskan di Mesyuarat Ketiga nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Cukai Pendapatan telah lama berkuatkuasa kerana keadaan ekonomi dan kehidupan rakyat pun telah banyak berubah. Setengah-setengah peruntukan dalam Akta itu sudah ketinggalan aaman, sudah tidak sesuai. Pada masa sekarang kos kehidupan telah meningkat jauh bezanya dengan dahulu. Harga-harga barang keperluan harian kian naik. Adalah kurang berpatutan jikalau kadar cukai yang lama lagi digunakan untuk mengenakan cukai kepada perseorangan, maka peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta itu terutama tentang cukai pendapatan perseorangan harus dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya hendak mengemukakan syor-syor seperti berikut:

Pertama, jomlah potongan diri dan potongan bagi seorang isteri yang tinggal bersama suaminya hendaklah ditambahkan. Jumlah potongan-potongan dinaikkan bagi anak-anak yang belum bersuami ataupun beristeri di bawah 13 tahun, bukan di bawah 16 tahun dan juga bagi mereka yang masih menerima pelajaran sepenuh masa.

Kedua, kadar cukai yang dikenakan atas pendapatan yang dinyatakan dalam Jadual I Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah diubah, Sebagai contoh, jumlah pendapatan bercukai ditambahkan atau kadar cukai yang dikenakan atas pendapatan bercukai diumumkan. Untuk mengurangkan beban rakyat, Kerajaan kita diminta untuk mengkaji

semula Akta Cukai Pendapatan 1967 dan memindahkan perunttukan-peruntukan mana-mana yang perla dipinda sepetimana yang baru saya bangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir ingin saya menyentuh ialah mengenai Maksud B.18 Kementerian Psrusahaan Utama. Sepertimana kita mengetahui Kementerian Perusahaan Utama di bawah bimbingan Yang Berhormat Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik telah memberi banyak sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan perdagangan antarabangsa dari segi penyelidikan dan kemajuan, promosi, pemasaran barangan utama dan komoditi lainnya. Penghargaan hendaklah dirakamkan bagi Kerajaan kita pada amnya dan Kemenliarian Perusahaan Utama serta Yang Berhormat Dato' Seri Dr Lim Kang Yaik khususnya yang selama ini telah giat barusaha dalam bidang-bidang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang diperuntukkan khas bagi operasi penyelidikan beberapa institut dan kemajuan komoditi-komoditi setiap tahun. Saya yakin institut-institut peayelidikan selama ini telah banyak berhasil dan perbadanan attau Lembaga Kemajuan dan Pemasaran Komoditi pun mendapat data-data, maklumat-maklumat kemaskini tentang pasaran komoditi utama. Sehubungan ini, demi untuk keraajuan perusahaan. di bidang komoditi utama, saya berharap hasil-hasil penyelidikan Berbaru dan maklumat-maklumat pasaran antarabangsa serta hal-hal yang berkaitan lainnya dapatt disebarakan melalui risalah atau majalah di kalangan pengusaha-pengusaha yang berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertna, sekianlah ucapan saya. Saya mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1990 ini. Terima kasih.

3.58 ptg.

**Dato' Azman bin Tak** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bercakap tentang hal Rang Undang-undang ini dan saya menyokong supaya ianya diluluskan.

Sebelum dari itu, mohon izin bagi saya untuk bercakap mengenangkan kata-kata penutup Yang di-Pertua Dewan kita semalam, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen yang menyatakan kepada kita bahawa tempoh parkhidmatan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan ini akan tamat pada 8hb Julai, 1990 ini. Saya agak sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini berasa sungguh sedih di atas cepat tamatnya tempoh perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Dewan ini kerana kita berasa bahawa masa beliau memimpin Dewan ini kita berasa sungguh gembira di bawah pimpinannya begitu baik sakali di mana persahabatan perpaduan di antara Ahli-ahli Dewan ini amatlah begitu rapat sekali seperti semuanya sebagai saudara-mara.



Tuan Yang di-Pertua, melalui Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon supaya Tuan Yang di-Pertua mengarahkan kepada Setiausaha Dewan supaya suatu majlis perpisahan diadakan untuknya selepas beliau kembali dari Mekah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, saya ingin bertanya kepada Kerajaan kenapakah perbelanjaan di bawah B.28 kebanyakan ini digunakan adalah untuk membayar sewa komputer. Tidakkah Kerajaan mampu untuk membelinya sendiri? Jika dibandingkan di Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain pun semuanya mempunyai komponen sendiri dan bagaimanakah di Pejabat Perbendaharaan pula ianya terpaksa disewa dan kebanyakan perbelanjaannya adalah untuk membayar sewa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana berbelanja lebih \$1,250 juta untuk pembangunan negara. Ada pihak Pembangkang pada hari ini menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membangunkan negara dan siapa sahaja menjadi Kerajaan akan membelanjakan wang negara untuk pembangunan dan kadangkala mereka megatakan bahawa kita menggunakan peruntukan itu untuk faedah-faedah kawasan-kawasan politik seseorang pemimpin itu. Kita ingin memberitahu kepada mereka bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan yang disokong sepenuhnya. Sebahagian besar daripada rakyat negara ini memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan, maka mengikut proses demokrasi, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengagih-agihkan peruntukan itu. Dan segala peruntukan-peruntukan yang telah dibuat oleh Kerajaan pada masa-masa yang lalu adalah diterima oleh rakyat dengan sepenuhnya dan membanggakan rakyat seluruh negara ini. Mereka cuma boleh menyoal, tetapi bagaimana ianya digunakan adalah menjadi hak mutlak

Kerajaan dan saya ingin memuji Kerajaan di atas kecekapan mereka mengendalikan peruntukan kewangan kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini SUKMA akan diadakan di Sarawak dan mengikut Kerajaan tadi telah membaritahu bahawa lebih kurang \$1 juta telah diperuntukkan untuk sukan tersebut. Saya yakin bahawa persiapan yang penuh sedang dijalankan di Sarawak, tetapi saya ingin memohon supaya Kementerian Belia dan Sukan memikirkan untuk menghantar beberapa ramai pemerhati yang boleh dari kalangan-kalangan belia di negara ini ke Negeri Sarawak pada masa sukan ini. Mungkin sejumlah wang \$1 juta itu adalah untuk persiapan-persiapan sukan tersebut dan tidak ada estimate dan tidak ada budget, untuk lawatan seumpama ini, tetapi saya harap kerajaan dapat mencari ikhtiar supaya belia-belia diberi peluang untuk melawat Sarawak. Ramai ahli-ahli persatuan belia di kampung-kampung, desa-desa yang tidak pernah sampai ke negeri itu. Inilah peluang yang terbaik sekali dan saya pohon supaya Kerajaan mencari ikhtiar melebihi peruntukan \$1 juta ini semoga ramai belia-belia kita dapat melawat Negeri Sarawak dan kita pohonkan supaya pemuda-pemuda di Sarawak menerima mereka ini sebagai sahabat mereka dalam sebuah negara,

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang besar dikehendaki ataupun telah dibelanjakan oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk Majlis Timah Antarabangsa. Kedudukan industri bijih timah amatlah mendukacita pada hari ini. Harganya sekilo cuma \$16.45 sahaja dan ini tidak mencukupi kos pengeluaran lombong itu yang berjumlah lebih kurang di antara \$18 hingga \$19 sekilo gram.

Tuan Yang di-Pertua, industri perlombongan bijih timah ini adalah suatu industri yang lama di negara kita dan telah memberi begitu banyak keuntungan, bukan sahaja bagi pihak Kerajaan, tetapi juga

untuk negara kita. Tetapi nampaknya Kerajaan tidak begitu serius untuk menolong pelombong-pelomboag di masa yang susah ini. Inilah saya harapkan supaya jalan yang semana baik haruslah difikirkan unttuk menolong industri-industri ini seperti memberi sedikit subsidi di dalam bayaran bekalan elektrik ataupun perkakas-perkakas lombong yang diimport semoga ianya tidak dikenakan cukai ataupun cukai haruslah dikarangkan.

Di dalam sidang yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah menyatakan bahawa oleh kerana kelembapan perusahaan bijih timah, maka negara kita tidak akan menganggotai lagi Majlis Timah Antarabangsa. Tetapi saya hairan kenapa pada hari ini kita dikehendaki meluluskan sebanyak \$93 juta untuk Majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk memuji kakitangan Kementerian Luar Nagcri di masa menganjurkan Mesyuarat G-15 baru-baru ini dan peruntukan yang besar juga kitta luluskan untuknya. Saya difahamkan babawa di masa mereka mengelola-kan Majlis itu, peristjiwa, perkara-perkara lain barlaku di mana mereka dapat menguruskannya dengan baik dan dengan ini kita harus memuji kakitangan-kakitangan Kerajaan kita yang dapat mengelolakan mesyuarat itu dengan sebegitu baik sakali.

Saya hendak bercakap tentang Kementerian Luar Negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala rombongan-rombongan rakyat kita pergi ke luar negeri, jagaan yang diberi oleh Data kita tidaklah begitu memuaskan. Jika rombongan peniaga-peniaga pergi ke sebuah negara yang agak hubungannya tidak begitu rapat seperti negeri China, maka Kementerian Barsebut melalui Duta kita haruslah memberi layanan yang agak lebih sedikit jika dibandingkan dcngan negara-negara lain, Arab

Saudi, England ataupun USA. Ini memikirkan kerana negara itu adalah negara yang baru bersahabat dengan kita dan juga kita baru hendak membuka peluang-peluang perniagaan dengan mereka. Apa yang terjadi baru-baru ini, ada rombongan peniaga-peniaga kita pergi ke sana, kita menjemput pegawai-pegawai Kedutaan ini bersama untuk makan malam dan sebagainya bersama dengan peniaga dari negara tersebut, tetapi malangnya apabila dibisikkan kepada pegawai-pegawai berkenaan supaya memberi jamuan balas maka jawapannya mereka tidak ada peruntukan untuk sedemikian. Untuk memberi jamuan makan ini saya agak perbelanjaannya tidaklah begitu besar, maka Kementerian Luar Negeri haruslah memikirkan perkara seumpama ini. Negara-negara yang terpencil itu yang ada persahabatan dengan negara kita haruslah diberikan peruntukan yang agak besar sedikit untuk jamuan-jamuan seumpama ini untuk meraikan rombongan negara kita bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga di negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,. saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mulai daripada bulan April tahun ini membuka Jabatan Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Mengikut sahabat kita Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King tadi, beliau mengalu-alukan pembukaan Jabatan ini dan kita harap saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak akan menerimanya dengan hati yang terbuka dan tidak ada ingatan di fikiran mereka yang kita hendak menjajah mereka dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini,. saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dijemput Yang Berhormat

Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

4.10ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, aaya terlebih dahulu ingin merakamkan di sini ucapan tertma kasih kepada Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King berkenaan dengan projek-projek rumah terbengkalai yang mana terdapat kakitangan Kerajaan yang telah mengambil pinjaman perumahan dan oleh kerana itu mereka telah tidak dapat menggunakan rumah-rumah yang mereka beli kerana projek-projek tersebut terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghuraikan panjang lebar berkenaan dengan perkara ini sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang Pinjaman Perumahan pada permulaan sidang ini. Jadi saya tidak lagi berhajat untuk menambah kepada perkara-perkara yang telah saya jawab pada hari pertama sidang kita baru-baru ini. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan program khas perumahan awam kos rendah ini seperti yang termaklum, Kerajaan akan seterusnya menggalakkan serta memperuntukkan jumlah wang yang banyak untuk menjayakan rancangan-rancangan perumahan seumpama ini demi untuk kepentingan penduduk-penduduk atau rakyat yang berpendapatan rendah. Tetapi dalam pada itu Kerajaan terpaksa menurut peraturan-peraturan Kerajaan dari segi melaksanakan projek-projek seumpama ini. Oleh hal yang demikian, ada masanya akan terdapat

di mana pemaju-pemaju ataupun kontraktor yang membina projek-projek ini mengalami kesulitan dan seterusnya projek-projek tersebut terbengkalai. Walau bagaimanapun, beberapa Kementerian yang terbabit telah berusaha sedaya-upaya untuk menyelesaikan dan mencari satu jalan supaya projek-projek ini dapat diteruskan kembali.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King juga telah membangkitkan masalah Jabatan Setiausaha Persekutuan di Sarawak dan Yang Berhormat berharap bahawa dengan adanya jabatan. ini diwujudkan semula keadaan perhubungan antara Kerajaan Sarawak itu dengan Persekutuan akan bertambah erat lagi dan banyak masalah dapat diselesaikan. Dan memang itulah tujuan penubuhan ataupun mengadakan semula jabatan ini untuk Sarawak dan juga Sabah.

Berkenaan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, cadangan-cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat ini akan dikaji, oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan di mana-mana yang sesuai kita akan mengambil pandangan-pandangan seperti yang telah dinyatakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak baru sebentar tadi membangkitkan masalah mengapa Kerajaan membayar \$93 juta kepada ITC. Jadi. Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam telah dikuatkuasakan secara sementara pada 1.7.1982 dan sebaik sahaja ianya berkuatkuasa, kawalan eksport telah dilaksanakan. Oleh kerana terdapat lebih timah dalam pasaran, di samping kawalan eksport, Majlis Timah Antarabangsa (ITC) juga menjalankan operasi stok penimbal untuk menstabilkan harga timah. Operasi. Stok Penimbal ini dibiayai daripada sumbangan oleh negara-negara anggota ITC. Oleh sebab itulah kita memberi sumbangan dalam jumlah seperti yang disebutkan.

Selain daripada itu, saya percaya Kementerian Perusahaan Utama dan Kerajaan yang menganggotai TTC ini akan berusaha untuk memulihkan keadaan pasaran timah diperingkat antarabangsa. Semoga dengan itu harga cimah akan dapat distabilkan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesutitan dalam industri ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak juga membangkitkan masalah berkenaan dengan "Sukan SUKMA" yang akan diadakan di Sarawak. Memanglah wajar cadangan daripada Yang Berhormat bahawa belia-belia kita dan juga anak-anak muda kita seharusnya kita bawa beramai-ramai menyertai sukan ini di Sarawak. Usaha ini sepatutnya mendapat satu keutamaan kerana ini boleh menambahkan perpaduan dan integrasi di antara negeri-negeri yang ada di dalam Malaysia ini. Kita berharap Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil perhatian daripada cadangan Yang Berhormat yang bernas ini untuk dilaksanakan,

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perkara-perkara yang khusus dibangkitkan berkenaan dengan peruntukan tambahan yang diminta melalui Rang Undang-undang ini. Perkara-perkara umum ataupun cadangan-cadangan serta saranan-saranan yang baik dan bernas itu akan diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan di mana-mana yang bersesuaian akan dapat ditimbang dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,  
Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53-(2), saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Dato Dr. K. S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Maaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN]****Bacaan Kali Yang Ksdua dan Katiga****4.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Baroh [Dato'R. Pathmanaban):** Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang brrnama suatu Akta bagi mcminda Akta Perhubungan Perusahaan. 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ialah untuk mewujudkan, memelihara **dan** mengekalkan pcrhubungan yang harmoni di antara pekerja Kesatuan Sekerja mereka dan majikan-majikan sama ada secara individu ataupun dengan kesatuan mereka secara menyeluruh. Dengan terjalannya perhubungan harmoni di antara mereka ini, maka suasana perhubungan perusahaan di negara ini akan bertambah tenteram. Keadaan bagini pasti akan menjadi daya pendorong untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan demi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, meninggikan daya pengeluaran serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan. Sejajar dengan keperluan semasa Akta Perhubungan Perusahaan 1967 telah dipinda beberapa kali sejak ianya digubal dan pindaan terakhir telah berkuatkuasa mulai 9.2.89.

Meskipun pindaan secara menyeluruh telah dibuat pada tahun 1989, akan tetapi di dalam urusan penguatkuasaannya, dua perbekalan tertentu didapati menimbulkan keraguan akan maksudnya yang sebenar. Oleh itu, ianya perlu dipinda salanjutnya untuk menjadikannya lebih praktikal dan memberi maksud yang jelas. Cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan ini tidak menjejaskan kepentingan pekerja ataupun majikan. Sebaliknya ianya menyatakan dengan lebih jelas akan hak-hak mutlak kedua-dua pihak.

Cadangan-cadangan pindaan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan pada 18.12.1989 dan disetujui.

Taan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menghuraikan Fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang tersebut.

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini adalah mengenai perjanjian bersama. Mengikut seksyen 14(3) Akta Ibu Mahkamah Perusahaan mempunyai kuasa untuk meminda sebarang perjanjian bersama yang diamanahkan kepadanya sekiranya perjanjian-perjanjian bersama berkenaan itu didapati mengandungi syarat-syarat perkhidmatan, yang kurang berfaedah daripada apa yang dibekalkan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 dan Akta Kerja 1955. Malangnya maksud sebenar seksyen 14(3) ini telah didapati tidak begitu jelas. Berbagai intepretasi dan tafsiran telah dibuat oleh pihak-pihak majikan dan Kesatuan Sekerja mengikut ketahanan masing-masing. Ada yang menafsirkan seolah-oleh Akta Kerja 1955 itu berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak sedangkan ianya hanya berkuatkuasa di Semenanjung. Ada juga pihak-pihak yang menafsirkan bahawa seksyen 14(3) itu terpakai kepada mereka yang tidak tergulung dalam definisi employee dan bergaji lebih dari \$1,250 sebulan. Pindaan yang dicadangkan pada masa ini dalam Rang Undang-undang ini tidak lagi akan menimbulkan berbagai interpretasi dan salah tafsiran seperti itu.

Fasal 3 bertujuan membuat pindaan kepada peruntukan seksyen 27(1)(c) Akta, Perhubungan Perusahaan mengenai perwakilan dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan sekerja. Pada masa ini wujud keraguan di kalangan pekerja-pekerja sama ada atau tidak mereka boleh diwakili oleh Kesatuan

Sekerja mereka di dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan. Pindaan ini bercadang untuk menyatakan dengan jelas bahawa Kesatuan Sekerja boleh mewakili ahli-ahlinya dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan mengenai pembuangan kerja inereka itu. Pindaan ini dirasai wajar dan boleh membantu menghasilkan penyelesaian dengan lebih cepat dan mengurangkan kos perbicaraan oleh kerana pekerja-pekerja tidak payah lagi mencari peguam-peguam dengan membayar kos fee yang tinggi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan seperti itu saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr. K.S. Nijhar:**Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.26 ptg.

**Tuan Tiong Hew King:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 di Dewan yang mulia ini,

Pembentangan Rang Undang-undang ini dan beberapa Rang Undang-undang lain yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja di mesyuarat Dewan tni, merupakan satu kenyataan yang menunjukkan bahawa Kerajaan kita sentiasa memberikan perhatian kepada usaha membaiki suasana dan terma-terma kerja bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja serta menyediakan kemudahan asas bagi rakyat.

Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir sentiasa berusaha menggalakkan dan memupuk pelaburan ke dalam perindustrian dan kekilangan supaya mewujudkan dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja kita. Menggalakkan eksport komoditi atiau hasil-hasil kita untuk menambahkan pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, mana-raana negara pun mempunyai dan menguatkuasakan tarif-tarif tertentu ke atas barang-barang yang diimport demi untuk melindungi perusahaan tempatan dari persaingan pengusaha asing. Pada tahun-tahun kebelakangan ini ada aliran perlindungan yang kian meningkat di negara-negara perindustrian telah menggugat usaha untuk melonggarkan perdagangan dunia. Langkah-langkah tarif dan bukan tarif pun telah bertambah, menurut tinjauan Perjanjian "M" mengenai tarif dan perdagangan (GATT).

Tuan Yang di-Pertua, kini Malaysia masih adalah salah sebuah daripada beberapa negara di Asia Tenggara yang masih diberi keistimewaan perdagangan di bawah sistem keutamaan "M" oleh Amerika Syarikat, Tiap-tiap tahun puluhan ribu juta ringgit barangan kita dieksport ke Amerika Syarikat. Kerana keistimewaan itulah setengah-setengah barangan kita diberi pengecualian cukai dan dengan demikian barangan kita itu dapatt daya bersaing di pasaran Amerika. Berkat keadaan pasaran Amerika yang menguntungkan kita, pengusaha-pengusaha melabur membina kilang-kilang untuk mengeluarkan barangan yang khas

dieksport ke pasaran itu. Dengan itu banyak peluang pekerjaan terwujud dan rakyat kita pun dapat kerja untuk mencari sara hidupnya. Ekonomi negara pun boleh berkembang bertumbuh. Kerana itulah Kerajaan kita telah dan akan terus berusaha sedaya upaya melalui kerjasama dan perundingan dengan negara-negara lain mencari pasaran baru serta memperluas pasaran yang sedia ada bagi barangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapati dari siaran-siaran suratkhbar bahawa segelintir pemimpin Kongeres Kesatuan Sekerja Malaysia dan beberapa tokoh pembangkang telah bersyubahat dengan kumpulan pendesak Amerika unttuk menarik balik Sistem Keutamaan "M"(GSP) yang diberikan kepada negara kita.

Kita betul-betul beraaa kesal mendengar khabar itu.Kesal kerana usaha murni Kerajaan menyediakan pekerjaan kepada rakyat telah diperjudikan oleh segelintir pemimpin Pembangkang itu, yang sengaja berbuat demikian, mungkin untuk kepentingan diri mereka atau bagi niat yang terselindung. Kepada mereka itu, saya berpendapat rakyat kita, terutama pekerja-pekerja kita hendaklah memberi nasihat atau amaran bahawa sejak dahulu mereka itu tidak pernah berusaha dan tidak pernah berjaya mewujudkan pekerjaan bagi rakyat.Janganlah berbuat apa-apa yang boleh menyebabkan rakyat kebilangan peluang pekerjaan dan yang boleh membawa penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat.Orang-orang itu harus dibuang dan ditinggalkan supaya mereka tidak akan berkesempatan berbuat apa jua tipu muslihat kelak dan tidak akan berdaya lagi menjejaskan kepentingan dan kebajikan rakyat amnya dan pekerja-pekerja khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, seklan sahaja, saya mengucapkan sokongan kepada Rang Undng-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1990. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

4.31 ptg.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1967.

Dengan cadangan pindaan-pindaan di dalam Akta ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita ini sentiasa menitikberatkan kebajikan pekerja-pekerjanya.Ada golongan-golongan tertentu sentiasa menuduh Kementerian Sumber Manusia bahawa Kementerian ini sentiasa berpihak

kepada pihak majikan sahaja. Dengan cadangan untuk meminda Akta ini, jelaslah bukti bahawa Kerajaan sentiasa berwaspada dan sentiasa ingin meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja di dalam negara kita ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini kita telahpun dapat mengadakan perjanjian bersama (collective agreement) sebanyak 1461. Ini menunjukkan bahawa di dalam negara kita ini, kita sentiasa ada suatu persefahaman yang baik antara majikan, Kerajaan dan persatuan pekerjanya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja. Oleh sebab itu, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana di dalam Fasal 3 telahpun ada satu cadangan untuk meminda Seksyen 27(1)(c) untuk membenarkan pekerja-pekerja menjadi anggota-anggota Kesatuan Sekerja supaya diwakili oleh Kesatuan Sekerja mereka di dalam prosiding di hadapan Mahkamah Persekutuan ini menunjukkan bahawa pekerja-pekerja yang tidak mampu itu tidak perlu untuk mencari seorang peguam untuk membela mereka di dalam prosiding-prosiding Mahkamah Persekutuan. Dengan pindaan ini, mereka boleh diwakili oleh pegawai-pegawai dari Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan Kesatuan Sekerja yang aktif dan cergas berjaya hasilnya 1490. Ini menunjukkan bahawa di dalam negara kita ini kita ada kebebasan untuk menubuhkan Kesatuan-kesatuan Sekerja. Di dalam sesi soal jawab mulut, Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata ada pihak dan tokoh-tokoh daripada MTUC mempetisyenkan kepada kesatuan di Amerika Syarikat yang mana mereka menuduh bahawa Kerajaan kita tidak memberi kebebasan untuk menubuhkan kesatuan. Ini jelas membuktikan bahawa

di dalam negara kita, apabila ada sesuatu permohonan untuk menubuhkan satu kesatuan, Kerajaan sentiasa memberi persetujuan. Saya berharap kesatuan-kesatuan di Amerika Syarikat, mereka boleh datang sendiri ke negara kita untuk mendapat tahu benar atau tidak atas tuduhan-Cuduhan yang dibuat oleh tokoh-cokoh MTUC.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali yang pertama mereka buat, mereka telahpun membuat satu petisyen pada tahun lalu.Kongres dan pemimpin-pemimpin di Amerika Syarikat telahpun menolak petisyen itu kerana rneraka media maklum bahawa Kerajaan kita tidak menindas atau tidak menganiaya pekerja-pekerja di sini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa ada satu sebab mereka menuduh bahawa di sini tidak ada kebebasan untuk mogok.Sesuatu negara harus ada peraturannya seadiri.Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak ada kebebasan untuk mogok, saya sendiri pun amat keliru.Tidak lama dahulu NUPW telahpun mengadakan satu mogok selama tiga hari.Mereka ini butakah, atau kalau tidak ada mata mereka ini pekakkah? Kalau pemimpin-pemimpin ini hendak menuduh bahawa di 9 ini tidak ada kebebasan untuk mogok, mungkin saya boleh katakan bahawa mereka mungkin langsung tidak boleh dengar atau tidak boleh nampak.

Ini satu hakikat kalau boleh mereka buat tuduhan di peringkat Amerika Syarikat, satu hari nanti kebenaran ataupun apa yang sedang berlaku di dalam negara kita ini, kesatuan ataupun kongres dan pemimpin-pemimpin di Amerika Syarikat akan dapat tahu sedalam-dalamnya keadaan di dalam negara kita ini.



Kalau mereka mengatakan di sini tidak ada kebebasan untuk mogok ataupun untuk tunjuk perasaan, saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, sebab Sdr. Terry Collingsworth ada bersama-sama dengan pekerja-pekerja yang telahpun mogok di hadapan Syarikat Harris Semi-Conductor. Macam mana dia boleh buat Kerajaan sendiri pun tidak menangkap beliau.

Saya merasa amat keliru apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dalam perkara ini. Tuan Mat Salleh Terry Collingsworth harus ditangkap oleh Polis, baru boleh kita katakan kita telah dapat menjalankan undang-undang di dalam negara kita ini. Seorang warganegara asing dia datang ke negara ini sebagai sahabat supaya dapat bersama-sama dengan pekerja-pekerja di Syarikat Harris Semi-Conductor, tetapi dia tunjuk perasaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya difahamkan ada photograph, saya tidak tahu betul atau tidak, perkara ini ada dipertikaikan di Dewan Rakyat. Kita tidak menjalankan undang-undang negara kita. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita 'benar—benar raengamalkan kebebasan di dalam negara kita ini. Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kita yang ingin menjadi Ahli Dewan Rakyat seperti Sdr. Ahmad Nor, yang sudah menjadi Ahli Dewan Rakyat Sdr. V. David, Sdr. Lee Lam Thye semua terlibat di dalam mogok di Syarikat Harris Semi-Conductor. Ini tidakkah Kerajaan kita memberi kebebasan. Mereka hendak memutarbelitkan, mereka hendak memberi satu gambaran buruk kepada Kesatuan-kesatuan di Amerika Syarikat dan saya difahamkan Kongres dan Ketua-ketua Kerajaan di Amerika Syarikat yang berbudi

yang berpelajaran tinggi mereka boleh tahu dengan sedalam-dalamnya apakah sebenarnya yang berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa guna pihak luar negeri datang ka sini menanamkan modal untuk menjalankan kilang-kilang elektronik, kita harus tahu perkara ini. Di negara mereka tidak boleh menjalankan kilang-kilang ini kerana mereka harus membayar gaji yang tinggi, oleh sebab itu mereka datang ke sini untuk mendirikan kilang-kilang ini.

Saya amat kurang faham kerana kalau Yang Berhormat Sdr. Dr. V. David, kalau dia terlibat dalam petisyen ini, beliau tidak perlu duduk dalam negara kita ini. Kalau boleh dia boleh buat satu permohonan tinggal di Amerika Syarikat dan lebih baik dia jadi Ketua Kesatuan di sana, kita boleh tahu macam mana kebebasan di sana, macam mana peraturan negara di Amerika Syarikat.

Saya menyeru kepada Kerajaan sudah sampailah masanya Kerajaan untuk bertindak atas tokoh-tokoh yang bercakap di sini lain, pergi ke Amerika Syarikat dia bercakap lain.

Saya difahamkan kerusi ILO (International Labour Organisation) pun sudah hilang, kerana Sdr. V. David di guna dia tidak hadir meeting. Pada masa mesyuarat dia sibuk, pergi ke Amerika Syarikat pun dia sibuk, di Geneva pun dia sibuk, apa yang dia sibukkan? Duduk di hotelkah? Pergi kesana sentiasa duduk di hotel sahaja, kerana itu kita sudah hilang satu kerusi di International Labour Organisation.

Seseorang pemimpin mahupun politik, kesatuan atau mana-mana badan mestilah bertanggungjawab. Kalau seseorang warganegara yang

menjadi pemimpin sesuatu Kesatuan haruslah dia tahu bagaimanakah kesusahan pekerja-pekerja yang akan alami daripada tindakan supaya menarik balik GSP. Yang akan menjadi mangsa itu adalah warganegara kita sendiri di sini. Kalau kita dapat berjaya di dalam kes GSP bagi tahun ini mereka akan buat satu petisyen pada tahun yang akan datang. Oleh sebab itu saya berharap supaya kita mengambil satu tindakan yang tegas atas pemimpin-peraipin yang tidak bertanggung-jawab di dalam negara kita ini.

Kita memang faham dan menerima dengan perasaan penghargaan yang sungguh-sungguh tindakan Kerajaan dan Kongres Amerika Syarikat yang membantu kita dengan kemudahan-kemudahan. pengecualian cukai dalam mengimport barang-barang buatan Malaysia ke dalam pasaran Amerika Syarikat.

Kami merasa Kerajaan dan Kongres akan terus peka dan bersikap positif kepada keperluan negara-negara yang membangun seperti Malaysia dan terus memanjangkan kemudahan GSP untuk faedah kita. Tetapi apa yang membimbangkan dan menyedihkan kita adalah sikap dan kegiatan setengah-setengah pemimpin-pemimpin MTUC dan parti-parti politik serta badan-badan human rights di tanahair kita sendiri yang sedia dan telah mencemar nama baik dan kedudukan baik negara kita dengan bersuhabat dengan mereka di United States of Amerika yang cuba melindungi perasaan USA itu dengan hujah bahawa di sini kebebasan Pekerja tidak ada, bahawa pekerja-pekerja kita ditindas dan dianiayakan. Hujah mereka itu tidaklah benar langsung, tetapi hanya untuk memuaskan nafsu dan kedudukan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.47 ptg.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Senator Tuan Tiong Hiew King dan Senator Tuan C. Krishnan di atas hujah mereka dan penyokongan mereka di atas Rang Undang-undang ni.

Memang saya bersetuju dengan mereka bahawa kita harus merabuat dan mengambil tindakan yang lebih untuk menyedarkan rakyat kita tentang hak dan keistimewaan negara kita sendiri, untuk menentukan bahawa rakyat sentiasa sedar dan peka kepada keperluan kita sendiri dan sedia bila-bila masa untuk berdiri sesisi Kerajaan untuk memperjuangkan kebaikan masa depan negara kita. Rakyat yang sedar, rakyat yang bersikap positif dan rakyat yang sedia untuk mempertahankan kepentingan negaralah yang menjadi pelindung yang besar dan muktamad dalam kemajuan negara kita dan kebebasan kita. Jadi kita akan sentiasa mendedahkan perbuatan mereka yang berkenaan dalam perkara-perkara seperti ini untuk rakyat lebih sedia dan sedar, untuk rakyat bertindak, untuk rakyat memilih dan sebagainya. Dalam perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, memang saya bersetuju bahawa kejadian, di Syarikat Harris Semiconductor pada 12hb Mei yang lalu di mana peguam am kepada badan-badan yang mengemukakan petisyen kepada Kerajaan Amerika untuk

menggugur kemudahan GSP daripada kita, Terry Collingsworth, perbuatan beliau untuk berdiri di barisan hadapan turut mogok dan tunjuk perasaan di syarikat tersebut, telah dengan sendirinya membuktikan kebebasan yang berada pada pekerja-pekerja kita di negara kita ini untuk bersatu, untuk bertindak, untuk bersuara dan sebagainya.

Tetapi apa yang menghairankan, apa yang malang, ada dua perkara berkaitan dengan itu. Pertama beliau yang telah secara haram telah masuk ke negara kita berlagak sebagai seorang Professor Undang-undang dan membuat kajian Undang-undang telah menganbil kesempatan 'hospitality' yang diberi oleh negara Malaysia untuk bersama-sama dalam tunjuk perasaan di syarikat tersebut dengan memegang sepanduk-sepanduk, pelekat-pelekat untuk membantah negara kita dan kedudukan negara kita dan bila balik ke Amerika Syarikat, bercakap dan menulis bahawa negara Malaysia ini tidak ada kebebasan. Jika berbuat demikian di lain-lain negara sudah tentu Terry Collingsworth tidak dapat balik ke rumah atau sanpai balik ke Washington D.C.

Di negara Malaysia kita memang memberi beliau peluang itu untuk sendiri merasakan betapa bebas kedudukan negara kita ini. Tetapi malang juga, di tunjuk perasaan itu, yang pada hanat kanl diaturkan untuk meraikan lawatan Terry Collingsworth ke negara Malaysia, di Syarikat Harris Soni-Conductor telah terdapat Cop-brass, dari Presiden sampai Timbalan Ketua Setiausaha atau Setiausaha Agung MTUC Yang Berhormat Encik V. David, sebagai Setiausaha Agung Yang Mulia Encik Rajasekaran, sebagai Timbalan Ketua Setiausaha MTUC Yang Malia Saudara Zainal Ranpak, sebagai Presiden MTUC Yang Mulia Tuan Ahmad Etor, sebagai Timbalan President MTUC dan beberapa tokoh-tokoh Kesatuan Sekerja yang lain telah bersama-sama dengan Terry Collingaworth dalam barisan mogok dan tunjuk perasaan di Syarikat Harris Semi-Conductor di situ dan mereka terus mengatakan bahawa di negara Malaysia, kita tidak memberi kebebasan kepada Dunia

Pada akhirnya, pada pukul 1.00, selepas 1 jam 20 minit tunjuk perasaan itu dijalankan, pihak Polis yang diberitahu telah mengusir Encik Terry Collingsworth dari situ dan meminta dia balik dan tidak campurtangan dalam perkara-perkara dalaman di Malaysia dan beliau pun balik bersama-sama dengan girlfriend beliau. Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kita dan tokoh-tokoh politik seperti Dr. Nasir dan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye yang masih ada di situ apabila Terry Collingaworth diusir kelaar oleh Polis, tidak menasihatkan kepada Encik Terry Collingsworth untuk mengelak diri daripada campurtangan dalam perkara dalaman di Malaysia ataupun tidak mencampur tangan dalara tunjuk perasaan atau barisan mogok di Syarikat Harris Srmi-Conductor. Inilah yang malangnya dan inilah yang harus disedari oleh rakyat kita, bagaimana kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang bersedia untuk menjualkan dan menggadaikan nasib-kita, negara kita, nasib pekerja-pekerja dan keluarga mereka untuk mencari atas memauskan nafsu mereka sendiri dan untuk mencari publisiti sedikiu antuk mencapai tujuan-tujuan yang kecil oleh mereka sendiri .

Jadi, kita harnalah berwaspada, kita haruslah sedar tentang tindak tanduk mereka ini, sikap dan perbuatan mereka untuk kita kenalpasti siapakah mereka ini dan adakah mereka harus diberi tempat yang atama di barisan pemimpin-pemimpin negara dan badan-badan di negara kita.Saya berharap dengan perjalanan Akta Perhubungan Perusahaan kita ini yang monbolehkan Kesatuan Sekerja wujud dan bergiat secara sihat dan sempurna di dalam negara kita, dengan adanya cara-cara untuk menyelesaikan pertikaian atau tuntutan yang

timbul daripada pihak-pihak 'pekerja di bawah peraturan-peraturan yang wujud di dalam Akta Perhubungan Perusahaan ini, kita harap nasib pekerja kita akan terus dipertingkatkan dan negara kita akan sentiasa aman dan damai dengan pekerjaan yang sempurna bag pekerja-pekerja kita dan keadaan suasana perhubungan perusahaan yang aman dan tenteram.

Inilah harapan kita dan kita harap peraturan-peraturan yang kita mempunyai untuk menyelesaikan pertikaian, untuk mengadakan satu keputusan yang sihat, untuk tuntutan yang dibuat oleh pekerja-pekerja tidak akan dianggap sebagai atau sekatan daripada kebebasan pekerja-pekerja kita untuk mogok atau bertindak dalam bidang perusahaan. Peraturan-peraturan itu adalah demi kepentingan pekerja sendiri dan tidak boleh dianggap seperti disuarakan oleh Terry Collingsworth dan sesetengah tokoh kita dalam Kesatuan Sekerja dan Badan-badan politik bahawa negara ini harus kucar-kacir, bahara sahajalah kita dapat mengatakan bahawa negara kita bebas .Negara kita memberi, kebebasan untuk bersama dan bertindak kepada rakyat kita.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu dan harap bahawa apa yang mereka menyuarakan itu dapat dibawa kepada rakyat oleh semua. Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini .Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat ,  
sekarang aaya kemukakan masalah kepada Majlis bagi dlputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.



Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatanknasa.

[Dato' Haj i Aba Bakar bin lajim mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN  
DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Rassim bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini fungsi MARDI adalah terhad kepada penyelidikan, penyibaran maklumat dan nasihat berkenaan perusahaan pertanian. Pindaan utama yang hendak dibuat melibatkan Fasal 2 bagi meminda Seksyen 3 Akta untuk membolehkan institut melibatkan diri dalam penyelidikan dan pengeluaran komersial bagi memaju dan mengguna dapatan-dapatan. penyelidikan secara berkesan. Fasal 5 pula racinda Seksyen 6 Akta bagi membolehkan MARDI bergiat di dalam bidang komersial melalui sama ada secara penyertaan ekuiti atau usahasama dengan pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, melalui program-program penyelidikan, MARDI telah berjaya menghasil serta mengenalpasti teknologi-teknologi baru dalam bidang-bidang tanaman, ternakan, pemerosesan bahan-bahan tanaman dan ternakan. Penemuan-penemuan baru ini dijangka dapat meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran tanaman, ternakan serta hasil-hasil yang diproses. Walau bagaimanapun,

Terdapat beberapa sebab di mana penemuan-penemuan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak-pihak pengusaha. Sebab-sebab tersebut ialah seperti berikut:-

- (i) kurang keyakinan di kalangan pengusaha terhadap teknologi yang dihasilkan kerana ianya dijalankan di tapak-tapak percubaan yang kecil dan persekitaran yang dikawal;
- (ii) kurangnya penglibatan pihak pengusaha dalam perancangan dan pembangunan program dan projek penyelidikan MARDI;
- (iii) terdapat elemen risiko yang tinggi di mana kemungkinan pemasaran hasil pengeluaran pertanian tidak begitu jelas dan
- (iv) modal asas yang besar diperlukan untuk melaksanakan projek-projek berasaskan teknologi baru di mana pulangan ke atas pelaburan belum pasti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini MARDI tidak mempunyai ladang komersialnya sendiri kerana kemudahan ladang yang ada hanyalah sekadar untuk membolehkan percubaan-percubaan dijalankan oleh pegawai penyelidik. Selain daripada itu, pangeluaran bagi projek-projek penyelidikan juga terhad. Keadaan ini menyebabkan ladang-ladang penyelidikan MARDI tidak dapat diguna sebagai asas atau contoh untuk pengeluaran tanaman secara komersial.

Teknologi-teknologi dalam pengeluaran dan pengendalian buah-buahan telahpun wujud dan boleh dimajukan. Teknologi hasil makanan yang diproses juga telah dikenalpasti oleh MARDI. Pengeluaran bahan-bahan makanan yang diproses perlu dipertingkatkan memandangkan industri makanan adalah satu sektor yang menguntungkan dan berkembang dengan pesat. Bidang-bidang seperti pengeluaran buah-buahan tempatan, pengeluaran baka bebiri dan pengeluaran

sayur-sayuran bermutu dan berharga tinggi boleh diperkembangkan di mana teknologi telah sedia ada dan boleh diusahakan secara komersial.

Tuan Yang di-Pertua, program penyelidikan MARDI melibatkan, perbelanjaan yang tinggi. Oleh itu ciptaan-ciptaan yang dihasilkan yang akan memberi faedah di dalam projek kemajuan pertanian haruslah dipindah untuk dimanfaatkan oleh kumpulan-kumpulan sasaran yang berkenaan. Penglibatan MARDI dalam projek penyelidikan komersial yang berasas kepada penemuan-penemuannya akan mempercepatkan lagi proses pemindahan teknologi. Ianya merupakan pendorong dalam mempergiatkan perkembangan industri pertanian yang berasaskan pertanian yang berdaya maju selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian.

Fungsi MARDI perlu diperluas bagi meliputi kegiatan untuk kemajuan industri pertanian. Dengan itu MARDI hendaklah dibenarkan untuk menyertai projek sama ada secara ekuiti atau usahasama bagi penyelidikan komersial yang boleh diambilalih oleh pengusaha-pengusaha apabila berjaya kelak. Berhubung dengan kuasa untuk membenarkan MARDI untuk melibatkan diri dalam kegiatan secara usahasama dengan mana-mana pihak adalah dicadangkan ianya terletak pada Lembaga Pengarah dan keialusan Yang Berhormat Menteri Pertanian, setelah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain ialah Fasal 3 dan 4, Fasal 6 dan Kuasa 7 Rang Undang-undang MARDI. Pindaan-pindaan di atas adalah perlu bagi memperkemas perkara-perkara "berkaitan dengan pengurusan oleh Lembaga Pengarah MARDI. Umpamanya untuk memberi peruntukan kepada Lembaga bagi menubuhkan Jawatankuasa guna menjalankan fungsinya dan mewakilkan kuasanya kepada mana-mana

pegawai berhubung dengan hal-hal perkhidmatan kewangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiuasaha Parlimen Kemeterian Perdagangan dan Perindustrian**

[**Dato Dr. K.S. Nijhar**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim**: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuaa Pertanian Malaysia 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, [Tiada Perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, olah kerana tidak ada perbahasan, saya tidak menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bsrsidang sebagai Jawatankuasa.

[**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** mempengerusikan Mesyuarat]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga daa diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.08 pag.

**Setiausaha Parlimen Kemonberian Perdagangan dan Perindustrian**

[Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Udaag-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pereua, Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1990 yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlindungan hakcipta selaras dengan kehendak seraasa di peringkat dalam negeri dan anaarabangsa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu karya dalam bentuk sastera, muzik seni, filem, rakaman. bunyi atau siaran adalah dianggap sama dengan harta benda lain yang mana penciptanya atau pemilikny adalah berhak dari segi ekonomi dan moral ka atas karya-karya yaag mereka hasilkan dan hak-hak ini perlulah ditanguhkan dan dilindungi oleh undang-undang.

Undang-undang yang menanggungkan dan melindungi hak-hak pencipta ke atas karya-karya yang mereka hasilkan yang berkuatkuasa di seluruh negara pada maaa ini ialah Akta Hakcipta 1987. Sebagai sebuah negara yang memberi pengiktirafan kepada perlindungan harta intelek khasnya hakcipta dan sebagai negara yang sentiasa bekerjasama dalam bidang ini di peringkat antarabangsa, maka peruntukan tertentu di bawah Akta Hakcipta 1987 sekarang perlu diperkemaskan lagi.

Tyan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang dalam Dewan yang mullia ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1990 ini.

Pertama, Rang Undang-undang mencadangkan pindaan supaya perlindungan diberi kepada karya-karya yang dibuat sebelum penguatkuasaan Akta Hakcipta 1987 selagi karya-karya berkenaan masih mendapat perlindungan di bawah Akta Hakcipta 1969.

Kedua, Rang Undang-undang mencadangkan supaya satu peruntukan bagi menentukan supaya teks rasmi Kerajaan tidak tergolong sebagai karya perhacipca supaya karya-karya atau teks-teks seperti itu boleh disibar seluas-luasnya kepada orang awam. Begitu juga takrian "penyampaian kepada awam" yang begitu luas dicadang dihadkan maksudnya kepada "pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam". Ini akan membenarkan perbuatan-perbuatan seperti penjualan buku terpakai, peminjam buku oleh perpustakaan dan penyewaan video dari kedai video dilakukan.

Ketiga, Rang Undang-undang mencadangkan selain daripada aktiviti-aktiviti yang sedia ada beberapa pengecualian tambahan seperti kamasukan secara sampingan, rakaman bunyi, penggunaan karya untuk tujuan peperiksaan, rakaman untuk kegunaan persendirian dan penggunaan karya untuk prosiding suatu Suruhanjaya Di-Raja, badan perundangan barkanun atau badan penyiasatan Kerajaan.

Keempat, Rang Undang-undang mencadangkan memansuhkan" hak Kerajaan menggunakan, mengeluarkan semula dan membuat penyesuaian dalam apa-apa bentuk mana-mana karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta tanpa memperolehi kebenaran atau mendapat kelainan daripada pemunya karya terlebih dahulu.

Meskipun demikian, kepentingan Kerajaan masih dilindungi dengan secukupnya di bawah seksyen 13, iaitu di bawah penggunaan wajar.

Kelima, Rang Undang-undang mencadangkan supaya dibenarkan pengimportan artikel berhakcipta yang sah bagi mewujudkan pertandingan yang sihat.

Keenam, Rang Undang-undang juga mencadangkan pindaan-pindaan yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan Akta.

Akhirnya, Rang Undang-undang mencadangkan pindaan bagi membolehkan Menteri membuat peraturan yang meluaskan pemakaian Akta terhadap karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran kepada negara yang menjadi ahli ataupun bukan ahli kepada sesuatu Greaty atau sesuatu konvensyen atau persatuan yaag Malaysia juga menjadi ahli. Pindaan yang dicadangkan juga akan memanjangkan perluasan yang sama kepada karya terbitan dan edisi karya diterbitan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan harta intelek termasuk hakcipta adalah penting dalam proses pembangunan sesebuah negara. Menerusi perkembangan harta intelek ini aegara mendapat faedah daripada pemindahan teknologi untuk kemajuan sosial dan ekonomi. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dijamin jika insentif yang cukup disediakan bagi mendorong para karyawan tempatan ataupun asing untuk terus berusaha dan kreadit. Di arena antarabangsa, kesediaan Malaysia untuk memberi perlindungan yang mencukupi dan berkesan ke atas harta intelek adalah obligasi yang jelas dan dengan adanya pindaan-pindaan ini imej negara dalam konteks perlindungan hakcipta khususnya akan mendapat pengiktirafan yang baik.



Dengan pindaan-pindaan ini juga peruntukan Akta Hakcipta 1987 adalah selari dengan amalan-amalan di bawah Konvensyen Barne yang merupakan institusi antarabangsa yang tertua dan utama dalam usaha melindungi hakcipta. Ini akan membolehkan negara diterima sebagai anggota konvensyen tersebut barsama-sama dengan 85 buah negara lain di dunia untuk melindungi hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohd. Kasim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Partua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.15 ptg.

**Dato' Azumu biu Tak :** Tuan Yang di-Pereua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap dan saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 ini diluluskan. Dengan pembentangan Rang Undang-undang ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa peka untuk perlindungan karyawan-karyawan sastera ini dan saya agak ianya adalah satu penglibatan yang begitu baik sekali bagi kepentingan-kepentingan rakyat kita yang penuh dengan ilmu sastera dan sebagainya.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ada di antara kita sedikit sebanyak menyalahgunakan sedikit tentang rakaman video dan sebagainya dan ini diambil berat oleh pihak-pihak yang tertentu dan kadangkala memberi publisiti yang sebegitu rupa yang seterusnya memburukkan nama baik seseorang individu ataupun nama baik negara

kita kerana ranya disebar di seluruh majalah-majalah antarabangsa di dunia ini. Kita berharap bahawa perkara seumpama ini tidak disalahgunakan kerana kita harus sedar bahawa di negara-negara luar pun perkara-perkara yang tidak diingini, ini juga berlaku tetapi rakyat negara itu tidaklah begitu berkehendakkan membuat publisiti yang tidak tentu ketara dan ianya cuma disebut-sebutkan di dalam negara ada sahaja. Kita hairan kenapa kita Rakyat Malaysia ini sebagai sebuah negara yang aman, maju dan makmur, ada juga rakyat kita yang mengambil kesempatan dari perkara-perkara yang tersilap berlaku di antara kita sama kita. Saya berharap bahawa Kerajaan dalam menjaga kepentingan ini akan juga menjaga kepentingan individu-individu itu apabila perkara seumpama ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tak ada lagi. Jika tidak ada perbahasan lagi, diminta Setiausaha Parlimen menjawab.

5.19 ptg.

**Dato Dr K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azumu Tak yang telah memberi hujah-hujah yang penting dan saya ingin merakamkan di sini pihak Kementerian sambut baik pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkenaan. Perkara-perkara berkenaan telahpun ditimbulkan beberapa kali dan dijawab secara langsung atau tidak langsung dalam Dewan yang mulia ini dalam pertanyaan-pertanyaan bagi jawab-mulut. Oleh itu, saya ingin menjelaskan di sini saya tidak ingin panjangkan jawapan saya, tetapi memberi jaminan kepada Yang Berhormat berkenaan bahawa Kementerian mengambil maklum perkara-perkara yang dikemukakan tadi dan mengambil berat pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim mempengerusikan Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tempohkan mesyuarat ini selama 30 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 3.55 petang.**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]**

**RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin**

**Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan fungsi Ketua Pengarah Bekalan Elektrik, pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, pelesenan pemasangan elektrik dan pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan keselamatan orang awam bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1985, Kerajaan telah memutuskan bahawa beberapa agensi Kerajaan dikenalpasti untuk diswastakan berdasarkan objektif-objektif seperti berikut:-

- (i) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (ii) menggalakkan pertandingan bebas meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran negara;
- (iii) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara menerusi dasar penswastaan;
- (iv) pengurangan saja dan penglibatan sektor awam dalam bidang ekonomi; dan
- (v) penswastaan dan peluang untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Selaras dengan dasar ini maka Lembaga Letrik Negara telah dikenalpasti sebagai satu badan Kerajaan yang layak untuk diswastakan. Berikutan dengan keputusan ini satu kajian menyeluruh telah dijalankan mengenai kemungkinan penswastaan Lembaga Letrik Negara ini. Kesimpulannya didapati bahawa penswastaan akan membawa faedah-faedah berikut:-

- (i) membolehkan Lembaga Letrik Negara mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi;
- (ii) kebebasan komersial Lembaga Letrik Negara dapat dinikmati dengan cepat melalui penswastaan;
- (iii) menghasilkan faedah ekonomi dan kewangan kepada Kerajaan.

Hasil dari kajian celah diteliti oleh Kerajaan dan Kerajaan bersetuju supaya Lembaga Letrik Negara diswastakan secara keseluruhannya di mana seraua fungsi utama iaitu penjanaan, penghantaran dan pengagihan tidak dipecah-pecahkan supaya sebagai langkah pertama Lembaga Letrik Negara diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 seperti Syarikat Telekom Malaysia Berhad, bahawa setelah Lembaga Letrik Negara dikendalikan sebagai sebuah syarikat, pertimbangan bolehlah diberi sama ada sebahagian ekuiti syarikat dipasarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun ditawarkan secara langsung kepada institusi-institusi pemegang amanah atau pelabur-pelabur terpilih supaya digubal sebuah 'Successor Company Act', dengan izin, untuk membolehkan pemindahan semua aset, tanggungan, pegawai dan kakitangan Lembaga Letrik Negara kepada syarikat baru, supaya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja

Lembaga Letrik Negara dLberi,tiga pilihan, iaitu:-

- (i) bersara dari perkhidmatan LLN dengan, dibayar faedah-faedah persaraan yang layak mereka ,terima; ataupun
- (ii) berkhidmat di bawah akim perkhidmatan serupa Lembaga Letrik Negara; dan

(iii) berkhidmat di bawah skim perkhidmatan syarikat, seterusnya supaya kawalselia perbekalan elektrik dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Akta baru bernama Akta Bekalan Elektrik digubal untuk menggantikan Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektcrik 1983.

Pada masa ini Lembaga Letrik Negara adalah sebuah badan berkanun dan pengendaliannya adalah mengikut peruntukan Akta Elektrik 1949. Apabila ia diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan kemudiannya diswastakan, adalah perlu Kerajaan mengadakan kawalselia yang efektif terhadap industri perbekalan elektrik kerana industri ini adalah berbentuk monopoli.Pada masa ini terdapat sebuah, badan, iaitu Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik yang telah ditubuhkan di bawah Akta Jemaah Pemeriksa Elektcrik 1983 yang bertanggungjawab ke atas keselamatan pemasangan elektrik dan ke atas pengeluaran lesen kepada pelesen-peleaen swasta. Namun demikian, skop tanggungjawab dan fungsinya adalah terlalu sempit untuk mengawalselia seluruh industri bekalan elektrik terutama sekali setelah Lembaga Letrik Negara diswastakan.Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya sebuah Akta Bekalan Elektrik 1990 diwujudkan ia akan menggantikan Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemertksa elektrik 1983.

Akta Bekalan Elektrik 1990 mengandungi peruntukan mengenai perlantikan dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah, perbekalan elektrik,

perlesenan utiliti elektrik dan pemasangan-pemasangan elektrik, menjamin perbekalan elektrik yang bermutu dan dibekal dengan harga yang berpatutan, pengawasan ke atas pemasangan, penjanakuasa dan peralatan elektrik. Akta ini memperuntukkan penubuhan sebuah badan kawalselia elektrik yang dikenali sebagai Jabatan Bekalan Elektrik Malaysia yang akan mengawal seluruh industri perbekalan elektrik.

Peruntukan utama dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah seperti berikut:

#### Fungsi Tugas dan Kuasa Ketua Pengarah

Peruntukan-peruntukan di bawah perkara ini bertujuan untuk menetapkan fungsi dan kuasa yang perlu diberikan kepada Ketua Pengarah bagi mengawasi keselamatan, pepasahgan, memastikan bekalan dan pertumbuhan industri bekalan elektrik secara cekap dan teratur selama dengan keperluan pengguna, orang awam dan kepentingan negara.

#### Tanggungjawab Belesen

Setiap syarikat swasta yang dilesenkan manbekal elektrik ditakrif sebagai pelesen, adalah dipertanggungjawabkan untuk memberi bekalan elektrik kepada semua pengguna yang memohonnya dan keadaan di mana mereka boleh dikecualikan daripada tanggungjawab ini adalah dinyatakan dengan jelas denii melindungi kepentingan pengguna.

#### Penentuan Kadar Tarif

Pelesen-pelesen haram boleh mengemukakan cadangan mengenai kadar tarif elektrik dari masa ke semasa mengikut prosedur dan cara-cara yang ditetapkan. Namun demikian, keputusan muktamad mengenai kadar tarif adalah terletak pada Menteri bertanggungjawab iaitu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

#### Lain-lain Peruntukan

Peruntukan-peruntukan lain mengenai kawalan komponen Bahagian VIII pemberitahuan, kemalangan atau kebakaran, siasatan dan timbangtara dan kesalahan terdapat dalam Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 sedia ada.



Perlu dijelaskan di sini bahawa apabila Lembaga Letrik Negara diperbadankan sebagai sebuah syarikat, Syarikat Pengganti Lembaga Letrik Negara akan diberi lesen melalui peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990 ini. Lesen ini akan membolehkan Syarikat Pengganti Lembaga Letrik Negara berfungsi dan beroperasi membekal tenaga elektrik seperti yang dijalankan oleh Lembaga elektrik Negara sekarang termasuk melaksanakan rancangan-rancangan bekalan elektrik luar bandar, dasar tenaga negara, dasar ekonomi negara dan lain-lain.

Seterusnya izinkan saya di sini menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan faedah-faedah penswastaaan Lembaga Letrik Negara .

(1) Faedah kepada Kerajaan dalam jangka masa yang panjang.

(i) Kerajaan akan bebas daripada memberi jaminan pinjaman-pinjaman Lembaga Letrik Negara .

(ii) saiz jentera pentadbir awam akan berkurangan.

(iii) hasil kewangan beraih daripada pelaburan di syarikat Lembaga Letrik Negara.

(iv) Lembaga Letrik Negara akan berfungsi di pasaran terbuka dan terdedah kepada saingan dan Kerajaan akan mendapat hasil dalam bentuk cukai import, cukai jualan dan cukai korporat dan

(v) membantu mencapai Dasar Ekonomi Baru.

**(2) Faedah kepada pengguna**

- (i) perkhidmatan yang lebih cekap dan peka kepada keperluan pengguna.
- (ii) kawalselia yang menjamin kepentingan pengguna dari segi mutu bekalan dan keselamatan.
- (iii) pertandingan bebas akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos; dan
- (iv) pengguna dapat membeli saham syarikat.

**(3) Faedah kepada kakitangan Lembaga Letrik Negara**

- (i) kakitangan akan berpeluang untuk membeli saham syarikat. Ini akan memperkukuhkan lagi sense of belonging, dengan izin' kepada syarikt.
- (ii) kakitangan, akan menikmati pengurusan dan pentadbiran ala swasta serta kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pihak pekerja swasta.

**(4) Faedah kepada lembaga Letrik Ncgara**

- (i) tidak akan menghadapi kawalan berbentuk birokratik.
- (ii) pendedahan kepada kuasa pasaran akan meninggikan produktiviti.
- (ii) membolehkan Lembaga Letrik Negara mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan

kemajuan yang lebih tinggi.

- (iv) pendedahan kepada kepakaran dan teknologi baru dan
- (v) kebebasan komersial Lembaga Letrik Negara dapat dinikmati dengan cepat.

Seterusnya mengenai ekuiti syarikat. Pada malanya Kerajaan akan memegang 100% saham Syarikat Pengganti Lembaga Letrik Negara. Memandangkan nilai bersih Lembaga Letrik Negara sekarang adalah dalam lingkungan \$5 billion, penswastan ekuiti sekarang akan dibuat berperingkat-peringkat secara berhati-hati supaya membawa faedah yang baik kepada Kerajaan, Lembaga Letrik Negara sendiri dan rakyat serta menjaga kepentingan pengguna-pengguna .

Dalam membuat keputusan untuk menawarkan saham, Kerajaan akan mengambilkira kepentingan pekerja-pekerja Syarikat Pengganti Lembaga Letrik Negara, pengguna, orang awam, serta institusi-institusi tempatan. Semua pegawai dan staf Lembaga Letrik Negara yang berjumlah lebih kurang 24,300 orang kecuali mereka yang akan ditawarkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi menjalankan tugas kawalselia akan berpindah kepada perkhidmatan syarikat.

Dalam penswastan Lembaga Letrik Negara, Kerajaan akan menentukan supaya kepentingan kakitangan tidak diabaikan. Kerajaan akan menentukan bahawa terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan staf yang berpindah kepada perkhidmatan syarikat nanti adalah tidak kurang baiknya dari apa yang mereka nikmati sekarang.

Kerajaan telahpun mengadakan beberapa mesyuarat dengan kesatuan-kesatuan dan persatuan-persatuan Lembaga letrik Negara bagi

membincangkan permintaan-permintaan mereka. Kesatuan-kesatuan telah mengemukakan memorandum, terma dan syarat perkhidmatan mengenai penswastan Lembaga Letrik Negara. Kementerian akan mengambil perhatian ke atas pendapat-pendapat yang telah dikemukakan dalam menyediakan perakuan-perakuan dan dalam tindakan-tindakan lanjut mengenai perkara ini.

Memandangkan Kerajaan akan memegang golden share dalam syarikat dan mempunyai kuasa untuk melantik 6 orang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Lembaga Letrik Negara ini serta kedudukan Lembaga Letrik Negara sebagai satu badan yang kukuh. Kakitangan Lembaga Letrik Negara tidak perlu risau tentang security of Centre, dengan izin.

Industri perbekalan elektrik adalah sebuah utility yang berbentuk monopoli. Oleh yang demikian, satu badan kawalselia adalah diperlakukan untuk memastikan bahawa kepentingan pengguna kelak, keselamatan orang ramai dan kepenringan negara akan terus terjamin.

Peruntukan-peruntukan dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 menjamin perbekalan elektrik yang bermutu dan dibekalkan dengan harga yang berpatutan, pengawasan ke atas pemasangan bagi mengawasi keselamatan pengguna,

Peruntukan-peruntukan lain mengenai kawal komponen, pemberitahuan kemalangan ataupun kebakaran, siasatan dan timbangtara dan kesalahan juga terdapat dalam Akta tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin penswastan Lembaga Letrik Negara akan membawa banyak faedah dan kebaikan kepada semua iaitu

Kerajaan, pengguna, orang awam, kakitangan dan industri bekalan elektrik keseluruhannya .

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Keraentorian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato Dr. K. S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan fungsi Ketua Pengarah Bekalan Elektrik, pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, pelesenan pemasangan elektrik dan pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan keselamatan orang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas .

Ahli-ahli Yang Berhormat,sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan , dan disetujui .

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua menpengerusikan Jawatankuasa]**

[Timbalan Yang di-Pertua menpengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Dewan ini ditempokkan selama 10 minit dari sekarang.

**Persidangan ditempokkan pada pukul 6.14 petang.**

**Persidangan disambung aemula pada pukul 6.24 petang.**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**USUL**

**ATURAN (URUSAN MESYUARAT)**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato Dr K..S.Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2).9upaya Perkara 11 sahaja dalam Aturan Mesyuarat hari ini dibincangkan sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin**

**Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) supaya Perkara 11 sahaja dalam Aturan Mesyuarat hari ini dibincangkan sekarang.

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (SYARIKAT PENGGANTI)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.26 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mancadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakkan harga, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu kepada satu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya" dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan supaya Lembaga Letrik Negara (LLN) diperbadankan untuk diswastakan kelak bagi mencapai faedah-faedah berikut:-

- (i) membolehkan Lembaga Letrik Negara mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi;
- (ii) kebebasan komersial Lembaga Letrik Negara dapat dinikmati dengan capai melalui penswastaan; dan
- (iii) menghasilkan faedah ekonomi dan kewangan kepada Kerajaan.

Bagi membolehkan Lembaga Letrik Negara diperbadankan, kerajaan telah bersetuju supaya sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan pada permulaannya ditubuhkan.

Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 adalah merupakan satu Akta yang akan membolehkan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara diletakhakkan kepada syarikat pengganti yang ditubuhkan itu pada satu tarikh yang ditetapkan.



Ini diperuntukkan di Fasal 3(1) melalui peruntukan-peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990. Syarikat Pengganti ini akan diberi lesen. untuk berfungsi dan beroperasi membekal tenaga elekerik seperti yang dijalankan oleh Lembaga Letrik Negara sekarang.

Rang Undang-undang Bekalan. Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 ini jaga melalui Fasal 5 melindungi hak sesiapa yang pada masa sekarang memegang share dalam Lembaga Letrik Negara dengan memperuntukkan bahawa share tersebut hendaklah mulai daripada tarikh pemindahan dipegang oleh orang itu dalara syarikat pengganti. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 ini menyediakan peruntukan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengarahkan syarikat mengenai hal ehwal kewangannya samasa ekuitinya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan. Ini diperuntukkan di Fasal 4, 6 dan 8.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Yang Berhormat boleh sambung ucapan esok.

**Tuan Abdnl Ghant bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok mulat pada pukul 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukut 6.30 petang.**

